



الهدى Al-Huda

Bil. 155
Ogos 2023M/1445H

Talian Ilahi

24434

Sembahyang
Mencegah
Kemungkaran

13

Tunai Pada Waktunya

23

Sembahyang Dipelihara
Keluarga Bahagia

44

Hubungan Sembahyang Dengan Rezeki

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ
رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى ﴿١٣٢﴾

Mafhumnya:

Dan perintahkanlah keluargamu mendirikan sembahyang dan bersabarlah dalam menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki daripadamu (bahkan) Kamilah yang mengurniakan rezeki kepadamu. Dan akibat (kesudahan yang baik) adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.

(SURAH THAHAA : 132)

KANDUNGAN AL-HUDA الهدى


BILANGAN 155

**MUHARRAM - SAFAR 1445/
OGOS 2023**

- 1 TINTA PENGARANG:** Talian Ilahi 24434 ● **3 TITAH:** Sembahyang Benteng Kemungkaran ● **6 UCAPAN MENTERI:** Dialog Hala Tuju Da'wah ● **9 MAQASHID SYARI'AH:** Memelihara Agama & Jiwa ● **13 FOKUS:** Sembahyang Mencegah Kemungkaran ● **19 KHUTBAH JUMA'AT:** Kewajipan Sembahyang Lima Waktu ● **23 MUTIARA HADITS:** Tunai pada Waktunya ● **29 TAFSIR HUKUM:** Meraih Keunggulan Sembahyang ● **35 TETAMU:** Sembahyang Dipelihara Keluarga Bahagia ● **44 SAHABAT NABI:** Bilal bin Rabah ● **49 TOKOH ISLAM:** Mus'ab bin 'Umair ● **53 INFO SEMBAHYANG:** Hukum Membaca Surah Al-Faatihah dalam Sembahyang ● **56 PELITA ILMU:** Etika Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam* dalam Mendirikan Sembahyang ● **61 NUKILAN PENA:** Tahajjud

Redaksi Al-Huda

PENASIHAT: Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah ■ **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Pemangku Penolong Pengarah ■ **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim ■ **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil ■ **PENYELARAS:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim, Rokiah binti Haji Mohamad Serudin, Suriati binti Haji Ali Hussin ■ **PEMBANTU PENYELARAS:** Mohamad Zelihan bin Ahad, Azizah binti Hidup, Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani, Hazey Suzainah binti Haji Shaya ■ **REKABENTUK & ATURHURUF:** Dahlan bin Chuchu ■ **PENYEMAK AYAT AL-QUR'AN & HADITS:** Ramlee bin Haji Kassim ■ **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pengiran Md. Rafiuddin bin Pengiran Haji Badaruddin, Nurul Nabilah binti Masri ■ **PENCETAK:** EZY Printing Services & Trading Co. ■ **TERBITAN:** Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kampong Pulaie, Jalan Pusat Dakwah BB4310, Negara Brunei Darussalam.



Sembahyang
Tiang Agama

TALIAN ILAHI 24434

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Sembahyang merupakan ibadat yang mula-mula difardhukan ke atas umat Islam dan yang pertama dihisab dan dibicarakan di akhirat kelak sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabarani dalam kitab mu'jamnya meriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu* yang bermaksud:

“Pertama sekali yang diperhitungkan pada setiap seorang hamba di hari kebangkitan ialah sembahyang, jika baik sembahyangnya maka baiklah seluruh amalannya dan jika rosak sembahyangnya, maka rosaklah seluruh amalannya.”

Sembahyang adalah tiang agama, sesiapa yang mendirikannya bererti ia telah mendirikan agamanya dan sesiapa yang merobohkannya maka bererti ia telah merobohkan agamanya.

Apabila membincangkan mengenai sembahyang, kita dapati sebilangan umat Islam yang bukan sedikit mencuaikan sembahyang fardhu lima waktu. Mereka

seolah-olah tidak ada masa untuk beribadat kerana kesibukan dalam melakukan pekerjaan dan berbagai aktiviti lain. Umpamanya, kita sering melihat para remaja dan belia kita bermain bola pada setiap petang. Kegiatan sebegini memanglah bagus, tetapi yang mendukacitakan ialah sebahagian daripada mereka bermain sehingga luput waktu sembahyang fardhu Maghrib. Di manakah tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim?.

Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti lain seperti berkelah, mendaki bukit atau gunung, mengembara, berkhemah di hutan-hutan dan sebagainya. Berapa ramaikah daripada mereka yang memikirkan di manakah mereka akan bersembahyang fardhu dan ke manakah arah kiblat? Adakah mereka membawa keperluan sembahyang? Jika ya, *Alhamdulillah*, kita merasa syukur dan tahniah atas usaha itu. Tetapi jika tidak, alangkah malangnya. Nampaknya mereka hanya merebut peluang untuk kebahagiaan dan kesenangan dunia tetapi melepaskan peluang untuk kebahagiaan akhirat.

Kesilapan besar yang dilakukan oleh umat Islam sekarang ialah terlalu mengejar masa, sehinggakan ramai di antara mereka ini yang belum mempunyai iltizam yang kuat dan komited terhadap ibadat sembahyang. Apabila mengadakan satu-satu majlis atau menjalankan satu-satu projek, agenda sembahyang selalu dilupakan. Ia bagaikan tidak penting dan seolah-olah bebanan yang tidak terdaya dilaksanakan. Padahal sebenarnya mereka telah banyak membuang masa kehidupan di dunia ini dengan perkara yang belum tentu memberikan kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat.

Oleh yang demikian, umat Islam janganlah terlalu ghairah dengan urusan keduniaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Mereka mestilah berdedikasi dan cekap membahagikan masa di antara kewajipan dunia dan kewajipan akhirat.

Berinterasilah dengan Allah Maha Pencipta melalui talian ilahi 24434 iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan 'Isya.



وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



SEMBAHYANG

Benteng Kemungkaran

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA
SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ
PERINGKAT NEGARA
TAHUN 1443H / 2022M

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ،

Kita bersyukur ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat lagi memperingati peristiwa agung yang terjadi kepada junjungan besar kita Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* iaitu peristiwa Isra' dan Mi'raj.

Peristiwa Isra' dan Mi'raj adalah merupakan kejadian luar biasa yang berlaku ke atas Nabi kita Saiyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Bagi orang-orang

yang beriman peristiwa ini tidak dilihat dengan logik akal, tetapi dengan mata hati dan keimanan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang berfirman dalam surah al-Israa' ayat 1, mafhumnya:

“Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Shallallahu ‘alaihi wa sallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjidilmaqsha (Baitulmaqdis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Adapun matlamat utama dari peristiwa ini ialah untuk menerima sembahyang lima waktu daripada Allah. Perintah sembahyang disyari’atkan secara langsung oleh Allah kepada Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* tanpa sebarang perantaraan. Inilah hebat dan istimewanya sembahyang itu.

Tidak syak lagi, sembahyang adalah tali penghubung di antara *al-Khaliq* dan hamba-Nya. Maka akan kuatlah hubungan itu dengan melakukan sembahyang.

Oleh itu diwajibkan sembahyang sebagai ibadat utama di dalam kehidupan kita, adalah sebagai cara untuk menjaga hubungan ini biar ia terus kekal dan kukuh sehingga tiada putus-putus.

Dengan sembahyang, Allah akan mengurniakan keamanan, ketenangan, kesihatan dan kebahagiaan. Ini, dapat dikesan dari firman Allah dalam surah al-Ankabuut ayat 45, mafhumnya:

“Bacalah (wahai Nabi Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu daripada al-Qur’an dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (manfa’at dan kesannya) dan Allah mengetahui apa yang kamu perbuat.”

Ayat ini adalah isyarat untuk kita memahami bahawa ibadat sembahyang adalah segala-galanya yang mampu untuk membersihkan kita daripada mungkar.

Apakah ada lagi selain ini yang lebih sempurna?

Demikian itulah dengan sembahyang. Ia adalah ‘kubu’ untuk membentengi kita daripada mungkar. Manakala seseorang itu terselamat daripada mungkar, maka itulah harapan tertinggi baginya untuk meraih syurga Allah *Ta’ala*.

Kerana matlamat yang suci inilah, Kerajaan beta mengambil sikap tegas menyediakan sistem persekolahan 'wajib agama'. Kerana beta tidak mahu, walau seorompokun dari rakyat muslim di negara ini yang tidak sembahyang.

Beta akan merasa bahagia, jika semua kita orang Islam menunaikan sembahyang. Kerana sembahyang adalah tiang agama, jika ia ditinggalkan, bererti kita meroboh agama.

Beta berharap, pihak-pihak berkenaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan hal ehwal pendidikan, hendaklah tidak mengabaikan perkara ini. Kerana inilah tugas asasi di antara lain-lain tugas yang ada. Ia adalah 'amanah' tertinggi untuk ditunaikan.

Semua orang tidak boleh lari dari kewajipan ini. Para guru, ibu bapa dan malah kerajaan adalah sama-sama bertanggungjawab untuk memastikan ibadat ini benar-benar dihayati. Apabila sudah berlaku demikian, maka *in syaa* Allah, berkat dan rahmat akan turun kepada Brunei dan kepada kita semua.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dialog Hala Tuju Da'wah



Ucapan

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Dialog Hala Tuju Da'wah, pada Hari Isnin, 30 Syawal 1438 bersamaan 24 Julai 2017, bertempat di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampong Katok, Negara Brunei Darussalam.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَسْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَتَعَدُّ

Alhamdulillah, acara ini dapat diadakan dan kita diizinkan oleh Allah berkesempatan menghadirinya.

Sebagaimana namanya 'Dialog Hala Tuju Da'wah maka *in syaa* Allah kita akan menggunakan kesempatan ini bagi percambahan fikiran sekitar usaha mempertajam da'wah di negara ini.

Tentu sahaja yang kita da'wahkan itu ialah Islam. Dan Kementerian Hal Ehwal Ugama berperanan merancang, mengurus dan melaksanakan hal ehwalnya dengan baik dan berkesan sebagai ugama rasmi negara.

Dalam hal itu kementerian ada menetapkan strateginya. Apa pun rangkaian kata-kata dan sebutannya namun yang jelas ialah kementerian berusaha mengukuh serta memelihara kemurnian Islam.

Sebab kita percaya bahawa Islam yang lazim diamalkan di negara ini telah menyumbang kepada kemantapan sosial-politik negara. Dan dengan itu Brunei dapat terus membangun, rakyat dapat terus menikmati kesejahteraan.

Dan kita meyakini hal itu sebagai tanda Brunei diberkati oleh Allah kerana keislamannya. Negara memuliakan serta sentiasa mensyi'arkannya. Brunei berpedomankan kepada ajarannya yang lazim diamalkan itu.

Dengan itu kita mendapati Islam di negara ini sedang menempati tempatnya yang wajar sebagai agama rasmi negara.

Tentu hal ini dimungkinkan oleh kerana Islam itu telah didakwahkan oleh orang-orang yang terdahulu daripada kita secara berkesan dalam suasana negara pada masa lalu.

Maka sekarang tentu sahaja kita wajar merasa terpenggil untuk mendakwahnannya secara lebih teratur.

Kita terpenggil untuk mendatangkan impak dengan lebih mengketarakan *relevancy* Islam dalam usaha sama menjamin dan mengekalkan

kemantapan negara dan kesejahteraan rakyat.

Tidak syak lagi bahawa Islam sangat berperanan ke arah itu. Faktor peranannya itu hendaklah diketarakan secara positif yang menjadikan Islam itu mendapat tempatnya yang wajar dalam pemerintahan negara.

Maka dalam dialog ini kita akan berbincang sekitar hala tuju da'wah. Tentu sahaja maksud kita ialah untuk meneruskan sambil mengukuhkan usaha mendakwahkan Islam yang menyumbang ke arah kemantapan negara dan kesejahteraan rakyat selaras dengan taraf kedudukannya yang wajar dalam pemerintahan itu. Ini penting dan hendaklah menjadi keutamaan da'wah di negara ini.

Setakat pengalaman dalam bidang agama, sejauh ini saya berkesimpulan bahawa Islam di negara kita ini telah didakwahkan sebagai agama yang inklusif. Kerana itu ia diterima pakai menjadi amalan dan pedoman dalam kehidupan kita menurut kadar keupayaan masing-masing.

Dan itu menjadikannya serasi kepada Brunei yang kekal dengan izin Allah mendaulatkannya sebagai agama anutan raja, majoriti rakyat dan penduduknya. Hasilnya ialah Islam kekal menjadi tonggak kekuatan Brunei dalam bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Dalam kesemua itu ialah peranan raja menerusi pemerintahan beraja yang Islami sebagaimana menurut Perlembagaan Negara dengan hasrat serta azam bernegara yang kukuh landasannya serta jelas hala tujunya sebagaimana Pemasyhuran Kemerdekaan.

Maka kita berperanan untuk mendakwahkan Islam dalam konteks dan ruang lingkup kenegaraan kita itu *in syaa* Allah diberkati dan ditaufiqkan oleh Allah ke arah yang diredhai-Nya. 

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Memelihara Agama & Jiwa

Memelihara Agama

Manusia adalah makhluk yang dianugerahkan dengan bermacam-macam kemuliaan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berbanding dengan makhluk-makhluk lain. Dari dianugerahkan seelok-elok bentuk, pandai berkata-kata dan berakal fikiran sehingga dapat menguasai dunia dan isinya serta dianugerahkan nikmat iman untuk sama-sama melaksanakan suruhan Allah dan beribadah kepada-Nya.

Manusia perlu kepada agama dan berpegang kepada ajaran-ajaran agama itu. Maka darjat dan keulahan manusia akan lebih tinggi daripada taraf darjat dan keulahan haiwan kerana hidup beragama itu adalah salah satu keistimewaan dari berbagai-bagai keistimewaan yang ada pada manusia. Berdasarkan ajaran-ajaran agama itu dapatlah manusia menyelamatkan dirinya dari melakukan pelanggaran terhadap larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan pencerobohan kepada sesama makhluk.

Oleh kerana agama itu suatu yang dipandang mulia, maka agama Islam melindungi kebebasan beragama. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ...

Mafhumnya:

Tidak ada paksaan dalam (memeluk) agama Islam, kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran daripada kesesatan...

Agama Islam menegah dari membuat kemungkar, umpamanya membuat kekacauan, gangguan, hasutan dan fitnah memfitnah antara sesama manusia tanpa mengira agama.

Dari itu, kita dituntut untuk memelihara agama dalam segala aspek iaitu seperti melalui peperangan, melaksanakan tuntutan-tuntutan agama dalam peribadatan, pendidikan, pekerjaan dan sebagainya.

Memelihara dan mempertahankan agama merupakan suatu kemuliaan bagi umat Islam. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Muhammad, ayat 7:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن نَّصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ
وَيُذِيبَنَّ أَقْدَامَكُمْ

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu menolong (membela agama) Allah nescaya Dia akan menolong kamu (mencapai kemenangan) dan meneguhkan pendirian kamu.

Semasa berlakunya peperangan Khandaq, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengarahkan umatnya

untuk bertahan di pinggir kota Madinah iaitu dengan cara menggali parit bagi menghalang musuh daripada memasuki kota Madinah. Dengan kehendak Allah, kaum muslimin menang dalam peperangan tersebut.

Selain daripada pertolongan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang memuliakan agama Islam, kemenangan tersebut juga lahir daripada semangat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan pengikut-pengikutnya yang berusaha dengan ikhlas untuk memelihara agama Islam, walaupun jumlah bilangan tentera mereka pada ketika itu sedikit.

Demi memelihara agama dan melindungi kehidupan beragama serta memperkuat daya tahan diri berasaskan semangat dan ajaran-ajaran agama, maka kerana itu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mensyariatkan amal ibadat.

Amal ibadat yang dilakukan umpamanya menunaikan rukun Islam yang lima, beriman dan memperteguhkannya di samping melakukan ibadat yang sunat bertujuan mensucikan diri dan menjadi hamba Allah yang bersyukur kepada-Nya, menjadi manusia yang baik bukan manusia perosak yang suka membuat fitnah, menyesatkan umat Islam, menyelewengkan iman dan aqidah umat Islam dan sebagainya.

Agama dan iman hendaklah dipelihara dengan kukuh, menunaikan kewajipan

terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, berbuat baik kepada manusia dan tidak membuat sebarang kerosakan di muka bumi.

Firman Allah dalam surah Aali 'Imraan, ayat 139:

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam menegakkan Islam) dan janganlah pula kamu bersedih padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (darjatnya) jika benar kamu orang yang beriman.

Memelihara Jiwa

Syari'at Islam diwujudkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* antara lain bertujuan untuk menjaga dan memelihara jiwa atau nyawa. Nyawa manusia tidak boleh diperlakukan sewenang-wenangnya. Pembunuhan antara sesama manusia tanpa sebab-sebab yang dibenarkan oleh syari'at Islam hendaklah dihindari. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Israa', ayat 33:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ...

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan haq (dibenarkan oleh syara')...

Tuntutan untuk memelihara jiwa dan larangan untuk melakukan pembunuhan tanpa sebab-sebab yang dibenarkan oleh syara' adalah satu perkara yang wajib diambil perhatian oleh setiap umat manusia.

Melakukan pembunuhan ke atas manusia tanpa hak merupakan suatu perbuatan yang haram dan keji serta akan mendapat dosa besar yang tidak terampunkan lebih-lebih lagi jika pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja.

Jika pun ada sebab-sebab yang dibenarkan oleh hukum syara' bagi seseorang itu untuk dibunuh, maka tugas dan tanggungjawab untuk menjalankan hukuman bunuh itu adalah dilaksanakan oleh pemerintah bukan dilakukan sebarang orang.

Justeru itu, dalam mengekalkan status manusia itu sebagai makhluk yang diberikan kemuliaan oleh Allah, maka nyawa hendaklah dipelihara dengan cara mentaati perintah Allah dan rasul-Nya, termasuk mentaati apa-apa jua undang-undang serta peraturan-peraturan yang diwujudkan, khususnya yang bertujuan bagi memelihara nyawa manusia dan memelihara hak hidup dalam keadaan mulia dan terhormat.

Mengamalkan dan mengekalkan gaya hidup sihat adalah antara cara untuk memelihara jiwa. Islam sangat menggalakkan umatnya bersifat sederhana dalam pengambilan

makanan dan minuman serta memelihara diri daripada memakan makanan dan minuman yang haram.

Selain itu, dengan bersukan dan mengamalkan aktiviti latihan fizikal (jasmani) yang bersesuaian dengan agama Islam dapat meletakkan kesihatan sebagai harta yang bernilai dalam kehidupan seseorang.

Penjagaan kesihatan spritual (rohani) amat diperlukan dalam memelihara diri. Ianya dapat diperolehi dengan melakukan ibadat seperti berwudhu', bersembahyang, berpuasa dan sebagainya. Bermula dari pengambilan wudhu' yang dapat membersihkan anggota badan hinggalah mendirikan sembahyang yang dapat memberikan ketenangan dan mengawal tekanan hormon dalam badan manusia serta dapat memberi kesegaran kepada anggota badan. Begitu juga dengan melakukan ibadah puasa dapat memberi kesan yang amat baik untuk kesihatan.

Segala tindakan, amalan dan aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan dan amalan harian wajar diisi dengan perkara-perkara yang baik dan mulia. Hindarkan diri dari terjebak kepada gejala sosial yang memberi kesan mudharat yang merosakkan diri dan mendedahkan kepada pelbagai masalah di kalangan masyarakat khususnya remaja yang masih bersekolah.

Dalam hal ini, peranan ibu bapa amat mustahak bagi mengambil sikap peduli, prihatin dan bertanggungjawab dalam menjaga, mendidik dan mengajar anak-anak mereka supaya terhindar daripada melakukan perkara-perkara keji yang menjatuhkan maruah yang akan menggelapkan masa hadapan.

Sekiranya gejala sosial ini tidak dibendung pasti akan mengancam bukan sahaja kesejahteraan diri dan keluarga malahan juga keselamatan agama, negara dan masyarakat.

Justeru itu, bersama-samalah kita dalam memelihara diri dengan mengukuhkan lagi persaudaraan sesama Islam agar sentiasa bersatu padu bagi sama-sama memelihara agama Allah dan dalam memerangi serta menghindari gejala sosial yang boleh menjerumuskan diri ke lembah kebinasaan dan kecelakaan.

Dalam menghadapi cabaran ini, umat Islam dituntut supaya sentiasa bersatu padu dalam memelihara dan mempertahankan agama, negara, diri dan keluarga daripada sebarang percubaan dan pencerobohan yang menggugat iman, kehormatan dan maruah kita di samping mempertahankan keselamatan, memperkasakan ekonomi, menaiktaraf pendidikan, memartabatkan agama dan memperkukuhkan sosial bangsa.





SEMBAHYANG

Mencegah Kemungkaran

Pefikan: **Buku Himpunan Ceramah–Ceramah
Di Majlis Sambutan Hari–Hari Kebesaran Islam
Peringkat Negara,
Terbitan Pusat Da’wah Islamiah 1435H/2014M**

Memperingati peristiwa ajaib tetapi benar, yang boleh menggugat keimanan seseorang, iaitu dalam soal mempercayai keshahihan peristiwa Isra’ dan Mi’raj. Peristiwa perjalanan Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilalqsha di Palestin. Kemudian baginda diangkat naik ke *Sidratulmuntaha* menemui Allah ‘Azza wa Jalla dalam waktu satu malam sahaja.

Orang-orang yang mempercayai dan meyakini kejadian ini bermakna mereka adalah orang-orang yang kukuh imannya. Adapun orang-orang yang masih merasa ragu-ragu tentang kebenaran peristiwa ini adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang jelas menolak kebenaran peristiwa ini, mereka adalah tergolong sebagai orang-orang yang tidak beriman kerana mereka telah jelas menolak peristiwa yang sabit menurut nash-nash yang terang dari al-Qur’an dan as-Sunnah serta ijma’ para ulama.

Demikianlah peristiwa Isra’ dan Mi’raj jika dibicarakan dari sudut ‘aqidah.

Menyebut tentang peristiwa Isra' dan Mi'raj ini, perkara besar yang ditekankan dan disarankan oleh para ulama, ialah pensyariatian ibadah sembahyang lima waktu. Perintah yang mewajibkan sembahyang lima waktu itu, baginda terima secara langsung daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tidak sebagaimana perintah-perintah lain seperti puasa dan zakat yang diwahyukan melalui Malaikat Jibril 'alaihissalam.

Menyebut tentang sembahyang ini, para ulama telah sepakat menetapkan bahawa sembahyang lima waktu itu wajib dilaksanakan oleh setiap orang yang mukallaf melainkan ada uzur syar'ie. Ketetapan ini adalah berdasarkan dalil-dalil yang *qath'ie* (secara pasti) dari ayat-ayat al-Qur'an dan as-Sunnah. Antaranya ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nisaa', ayat 103:

... إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Mafhumnya:

...Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya.

Dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya, daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda kepada Mu'adz bin Jabal ketika baginda hendak

mengutusnyanya ke Negeri Yaman, baginda bersabda:

فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ.

Maksudnya:

Khabarkanlah kepada mereka (penduduk Yaman) sesungguhnya Allah Ta'ala telah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu pada tiap-tiap hari siang dan malam.

Dengan tema "**Sembahyang Mencegah Kemungkaran**" adalah berkait langsung dengan perkara sembahyang yang menjurus kepada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-'Ankabuut, ayat 45 yang menyatakan:

...إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۚ

Mafhumnya:

...sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar...

Ayat ini mengandungi janji Allah yang merupakan jaminan bahawa perkara keji dan mungkar itu akan tertolak apabila kita tetap tekun dan bersungguh-sungguh menunaikan kewajipan sembahyang. Sembahyang akan menjadi benteng kepada diri seseorang dari dipengaruhi oleh hawa nafsu yang sentiasa mengingini perkara-perkara keji dan mungkar.

Soalnya, sejauh manakah kita meyakini kebenaran janji Allah ini? Namun, bagi orang yang kuat imannya tetap sahaja mempercayai dan meyakini janji tersebut.

Sekarang ini, di mana-mana termasuk di negara kita, perkara-perkara keji dan mungkar atau yang lebih dikenali sekarang sebagai penyakit sosial atau gejala sosial sudah menjadi perkara yang membimbangkan banyak pihak terutama ibu bapa. Pihak kerajaan pula merasakan, penyakit sosial adalah suatu beban kepada negara kerana bukan senang untuk mengatasinya, malahan telah menimbulkan pelbagai masalah dan mudharat dalam masyarakat.

Sekalipun penyakit sosial itu lebih banyak membabitkan remaja, namun, dari apa yang kita dengar dan lihat di media-media massa, penyakit sosial itu juga berlaku di kalangan orang dewasa seperti melakukan pecah amanah, rasuah, berlaku curang dalam rumahtangga, berjudi, mencuri dan sebagainya. Ini menunjukkan penyakit sosial itu sudah menular dalam masyarakat. Sekalipun pelbagai cara dan formula telah digunakan untuk mengatasinya, tetapi perkara mungkar tetap saja terus berlaku.

Sungguhpun begitu, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menyediakan satu ubat yang paling mujarab untuk mengubati penyakit sosial itu, iaitu tidak lain adalah dengan bersembahyang, sebagaimana firman-Nya yang telah disebutkan dalam surah al-'Ankabuut ayat 45 tersebut.

Faktor besar yang menyumbang kepada terjadinya penyakit sosial ialah rohani yang kosong, tidak terisi dengan hidayah dan inayah Allah, menjadikan hati dan jiwa seseorang itu tidak mampu melawan godaan hawa nafsu yang sentiasa inginkan perkara-perkara keji dan mungkar.

Saiyidina 'Umar bin al-Khaththab *Radhiallahu 'anhu* pernah menulis surat yang diedarkan kepada gabenor-gabenornya katanya:

"Wahai para gabenor sekalian! Sesungguhnya tugas yang paling penting sekali pada pandanganku ialah mendirikan sembahyang. Oleh itu, sesiapa yang tidak mendirikan sembahyang sebagaimana sepatutnya, maka dia merupakan orang yang tidak dipercayai. Manakala sesiapa yang mendirikan sembahyang dengan sebaik-baiknya, maka dia sudah memelihara agamanya. Dan sesiapa yang mensia-siakan ibadat sembahyang bermakna dia telah mensia-siakan urusan-urusan yang lainnya."

Demikian antara kandungan surat Saiyidina 'Umar bin al-Khaththab *Radhiallahu 'anhu*.

Lihatlah! Bagaimana Saiyidina 'Umar bin al-Khaththab *Radhiallahu 'anhu*, menjadikan sembahyang sebagai perkara yang terpenting bagi seorang yang menjadi pemimpin atau pentadbir. Padahal, para gabenor yang dilantik oleh Saiyidina 'Umar bin al-Khaththab

Radhiallahu 'anhu itu pastinya bukan sembarangan orang. Mereka adalah orang-orang yang terpilih dan orang yang sudah dinilai kebajikannya dan kewibawaannya dari pelbagai sudut untuk menjadi pemimpin. Namun, mereka masih diingatkan supaya tidak mencuaikan sembahyang. Mengapa perkara sembahyang menjadi tumpuan utama Saiyidina 'Umar bin al-Khaththab *Radhiallahu 'anhu*?

Jawabnya, kerana beliau yakin bahawa orang-orang yang taat menunaikan sembahyang adalah orang-orang yang boleh diberi kepercayaan. Mereka melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan tidak akan berlaku curang dalam menunaikan tanggungjawabnya sekalipun mempunyai kuasa yang besar. Tindakan tersebut juga, memberi pengajaran kepada kita bahawa untuk menjadi pemimpin yang baik bukanlah sekadar memiliki kelayakan atau kelulusan semata-mata tetapi perlu dilengkapi dengan sifat taat kepada perintah-perintah Allah yang akan membawa taat kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan ulilamri.

Prinsip yang menjadi pegangan Saiyidina 'Umar bin al-Khaththab ini, memang ada logiknya, kerana apabila pemimpin atau pentadbir negara mencuaikan suruhan Allah bagaimana pula pemimpin atau pentadbir berkenaan akan melaksanakan tanggungjawabnya secara jujur dan amanah dalam keadaan kuasa ada di tangannya.

Hati yang jauh dari ingat kepada Allah, tidak mungkin dapat mengenal mana yang baik dan mana yang buruk. Hanya keseronokan dan kebanggaan yang menjadi tumpuan perhatiannya. Berlainan halnya dengan hati dan jiwa yang sentiasa ingat kepada Allah, ia takut berdosa kerana melakukan perkara-perkara kejahatan atau kemungkar. Sepertimana yang dijelaskan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah, sesungguhnya Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ،
وَلَا يَشْرَبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهُوَ
مُؤْمِنٌ، وَلَا يَسْرِقُ السَّارِقُ حِينَ
يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ.

Maksudnya:

Tidaklah seorang pezina itu berzina tatkala dia sedang beriman, tidaklah seorang peminum arak itu meminum arak tatkala dia sedang beriman dan tidaklah seorang pencuri itu mencuri tatkala dia sedang beriman.

Penyakit sosial sebagaimana yang disebutkan tadi, juga adalah perkara yang berkait rapat dengan hati dan jiwa. Tindak tanduk akan menjadi bagus apabila hati sentiasa mengingati Allah. Begitu juga sebaliknya, apabila hati itu rosak maka akan rosak binasalah segala tindak tanduknya.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada an-Nu'man bin Basyir, dia berkata: Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا
صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا
فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ
الْقَلْبُ.

Maksudnya:

Ketahuiilah bahawa dalam diri manusia itu ada seketul daging, jika ia baik, baiklah keseluruhannya dan jika ia rosak maka rosaklah semuanya. Ketahuiilah! Ia adalah hati.

Dari apa yang diterangkan tadi, adalah jelas menunjukkan bahawa sembahyang yang ditunaikan dengan penuh taat mampu menghalang dari berlaku perkara-perkara keji dan mungkar. Oleh itu, kewajipan menunaikan sembahyang itu perlu difahami dan dihayati supaya ia terlaksana dengan baik dan sempurna. Betapa pentingnya sembahyang itu mendarah daging dan menjadi suatu kebiasaan. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah memberi panduan kepada kita supaya sembahyang itu diajarkan kepada anak-anak sejak kecil lagi. Imam Abu Daud dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Amru bin Syu'aib, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ
سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا، وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ
وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

Maksudnya:

Perintahkanlah anak-anak kamu untuk mengerjakan sembahyang iaitu mereka yang telah mencapai usia tujuh tahun, dan pukullah mereka (kalau mereka meninggalkan sembahyang), jika mereka sudah berumur sepuluh tahun, pisahkanlah tempat tidur mereka.

Dengan sembahyang itu menjadi budaya, ianya tidak lagi dirasakan sebagai suatu beban bahkan menjadi amalan yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan harian seorang muslim. Malahan menjadi suatu senjata yang ampuh, dan suluh indah yang akan menerangi kehidupan di dunia dan di akhirat.

Pihak kerajaan telahpun mengambil inisiatif melaksanakan Perintah Pendidikan Ugama Wajib. Adalah sangat wajar, inisiatif seperti ini disambut baik oleh semua pihak terutama para ibu bapa kerana tindakan sedemikian akan menyumbang ke arah melahirkan masyarakat yang patuh kepada perintah Allah dan masyarakat yang mempunyai akhlak mulia. Mudah-mudahan dengan tindakan sedemikian akan menyumbang secara langsung ke arah mewujudkan masyarakat yang taat bersembahyang.

Dengan ketekunan masyarakat mengerjakan sembahyang, kita yakin, segala kenikmatan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini akan kekal dan berterusan. Bahkan kita yakin akan lebih banyak lagi ni'mat-ni'mat Allah yang datang melimpah kepada diri kita, kepada keluarga kita dan kepada negara kita, sesuai dengan firman Allah dalam surah Saba' ayat 15:

...بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّكَ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Mafhumnya:

...(Negara kamu ini ialah) negara yang baik (aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun.



Kewajipan Sembahyang Lima Waktu

Wahai kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan hamba-Nya supaya menyeru ke arah kebaikan dan mencegah melakukan kemungkaran. Justeru Islam adalah agama yang sempurna yang membimbing dan mendidik umatnya supaya melakukan kebaikan agar hidup sempurna dan bahagia. Sesungguhnya kebahagiaan itu adalah ni'mat yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada hamba-Nya.

Salahsatu perkara yang membawa seorang muslim ke arah kehidupan yang sempurna dan bahagia itu ialah menunaikan sembahyang. Sembahyang itu merupakan tiang agama, barangsiapa yang mengerjakannya bererti ia telah menegakkan agamanya

dan barangsiapa yang meninggalkannya berarti ia telah merobohkan agamanya, oleh itu kita umat Islam wajib mengerjakannya. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ada mengingatkan kepada kita bahawa sembahyang merupakan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada hari akhirat kelak, sebagaimana Imam an-Nasa'ie dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya persoalan pertama yang akan ditanya dipertanggungjawabkan ke atas manusia adalah sembahyangnya. Jika sembahyangnya baik, maka dia termasuk orang yang beruntung dan berjaya. Namun, jika sembahyangnya rosak, maka dia termasuk orang yang kecewa dan rugi."*

Sesungguhnya sembahyang mempunyai banyak kelebihan sepertimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan al-Hadits, di antaranya ialah sebagai penghubung di antara manusia dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan boleh memantapkan aqidah dan iman dalam diri seseorang serta mencegah dari melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Selain daripada itu sembahyang juga boleh menghapuskan dosa dan membawa keampunan kepada segala dosa dan kesalahan.

Wahai kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Perlulah diingat, sembahyang lima waktu itu tidak boleh ditinggalkan sama sekali oleh orang Islam yang mukallaf (aqil baligh) dan suci daripada haidh dan nifas. Jika tidak mampu mengerjakannya dengan sebab ada sesuatu keuzuran seperti tidak boleh berdiri maka diharuskan dengan cara duduk dan kalau tidak boleh duduk, maka diharuskan dengan cara berbaring dan jika semua anggota tidak berdaya, diharuskan dengan mengisyaratkan dengan kelopak mata, hatta kalau ia tidak mampu juga berbuat demikian, maka harus mendirikan sembahyang dengan cara meniatkan sembahyang di dalam hati. Melihat kepada keringanan yang digariskan oleh Islam, maka tidak ada alasan untuk kita mengabaikan kewajipan sembahyang walau dalam keadaan apa pun.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Memandangkan betapa pentingnya kewajipan sembahyang ini dilaksanakan oleh setiap umat Islam, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah menyuruh supaya ibadat sembahyang itu diajarkan kepada anak-anak sejak berumur tujuh tahun dan memukul mereka dengan pukulan yang munasabah jika enggan bersembahyang ketika umur sepuluh tahun. Inilah cara pendidikan awal untuk melatih anak-anak mengerjakan sembahyang yang mesti dilaksanakan oleh ibu bapa. Selain daripada itu, kita iringkan juga dengan doa agar anak-anak dan keturunan

kita sentiasa mendirikan sembahyang sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Ibraahiim, ayat 40:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي
رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٤٠﴾

Mafhumnya:

Ya Tuhanku! Jadikanlah aku orang yang tetap mendirikan sembahyang dan demikian juga zuriat keturunanku. Ya Tuhan kami! Perkenankanlah doaku.

Akan tetapi, apa yang mendukacitakan ialah terdapat segelintir umat Islam mencuaikan amanah dan tanggungjawab dalam mendidik anak-anak sehinggakan ada segelintir ibu bapa membiarkan anak-anak mereka tidak menunaikan sembahyang.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya orang-orang yang meninggalkan sembahyang itu berdosa. Menurut para ulama terdapat tiga golongan mereka yang meninggalkan sembahyang.

Pertama: Golongan yang meninggalkan sembahyang kerana mengingkari hukum sembahyang itu wajib. Para ulama berpendapat bahawa orang seperti itu adalah kafir.

Kedua: Golongan yang meninggalkan sembahyang tetapi menerima hukum sembahyang itu adalah wajib. Para ulama berpendapat orang seperti itu adalah fasiq.

Ketiga: Golongan yang mendirikan sembahyang dengan bermalas-malas dan menunjuk-nunjuk, mereka ini ialah golongan munafiq. Mereka ini akan menerima azab seksa yang amat pedih, sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nisaa', ayat 142:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَادِعُهُمْ
وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا كَسَالَى يُرَاءُونَ
النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾

Mafhumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang munafiq itu mahum memperdayakan Allah dengan menyatakan yang lain daripada apa yang ada dalam hati mereka dan dia (Allah) tetap membalas usaha tipu daya mereka dengan balasan seksa di akhirat. Dan apabila mereka berdiri untuk menunaikan sembahyang mereka berdiri dengan perasaan malas dengan maksud riya' kepada manusia supaya mereka disangka orang yang beriman, dan mereka pula tidak mengingati Allah melainkan sedikit sahaja.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Para ulama berpendapat sesiapa yang meninggalkan sembahyang sama ada kerana keuzuran atau tanpa keuzuran, maka ia wajib mengqadha' sembahyang tersebut. Menurut Imam asy-Syafi'ie sesiapa yang meninggalkan sembahyang kerana keuzuran seperti terlupa atau tertidur, maka adalah

sunat baginya menyegerakan qadha' sembahyang yang telah luput.

Adapun bagi sesiapa yang meninggalkan sembahyang tanpa keuzuran, maka wajib baginya mengqadha sembahyang tersebut seberapa segera. Sekiranya kita tidak mengingati jumlah sembahyang yang telah kita tinggalkan, menurut Imam asy-Syafi'ie hendaklah kita berasa yakin bahawa kita telah mengqadha sembahyang yang telah kita tinggalkan. Menurutny lagi, sembahyang qadha' boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa ada had tertentu. Ini berdasarkan kepada sebuah hadits Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam daripada Abu Qatadah katanya: "Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Sesiapa yang meninggalkan sembahyang kerana terlupa atau tertidur, maka tunaikan sembahyang tersebut apabila mengingatinya."

Oleh yang demikian sama-samalah kita mentaati perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan menunaikan sembahyang agar kehidupan seharian kita akan sentiasa aman bahagia kerana dapat menghindarkan diri dari melakukan

perkara-perkara maksiat dan mungkar. Mudah-mudahan segala amal ibadat kita diterima Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ingatlah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala di mana juga berada dengan harapan beroleh pengampunan dan rahmat daripada-Nya jua, *Aamin ya Rabbal 'alamiin*.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 45-46:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا
عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلَاقُوا
رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿٤٦﴾

Mafhumnya:

Dan mintalah pertolongan (kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang. Dan sesungguhnya sembahyang itu sangat berat (mendirikannya) melainkan bagi orang-orang yang khusyu'. Iaitu mereka yang yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya.





Tunai Pada Waktunya

Sembahyang dalam Islam merupakan tiang atau tunggak agama berbanding dengan amalan atau ibadah yang lain, yang mana sesiapa yang meninggalkan sembahyang maka dia meruntuhkan agamanya. Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Mu'adz bin Jabal *Radhiallahu 'anhu*, bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ،
وَذِرْوَةٌ سَنَامِهِ الْجِهَادُ.

Maksudnya:

Perkara yang paling penting dalam segala urusan adalah Islam, tiangnya adalah sembahyang dan kemuncaknya adalah berjihad.

Sembahyang telah diwajibkan dan diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada hamba-Nya bermula semasa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* melakukan Isra' dan Mi'raj

pada 27 Rejab iaitu satu setengah tahun sebelum baginda berhijrah dari Mekah ke Madinah.

Sembahyang fardhu itu mempunyai ketetapan atau ketentuan waktunya. Melakukan dalam waktunya bererti sembahyang itu dianggap tunai. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah an-Nisaa', ayat 103:

... إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا
مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Mafhumnya:

...Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya.

Ayat ini menegaskan bahawa kewajipan sembahyang itu mempunyai ketetapan waktu. Oleh yang demikian adalah berdosa jika ia dilakukan di luar waktunya tanpa adanya uzur syar'ie.

Tempoh bermulanya waktu diwajibkan melaksanakan sembahyang ke atas seorang mukallaf adalah sebaik sahaja masuk waktunya secara wajib *muwassa'*. Ibadah wajib *muwassa'* ialah ibadat yang mempunyai tempoh waktu yang luas iaitu tempoh melaksanakan perintah ibadat tersebut tidak meliputi seluruh waktu yang ditetapkan.

Seseorang yang meninggalkan sembahyang dan tidak sempat mengqadha' atau menggantinya, maka tidak boleh disempurnakan qadha' sembahyang itu oleh orang lain atau dengan cara apa sekalipun berbeza dengan ibadah lain seperti puasa, zakat atau haji yang mana ibadat-ibadat tersebut boleh diqadha' oleh warisnya.

Sembahyang Perlu Ditunaikan pada Waktunya.

Sembahyang adalah suatu ibadah yang perlu ditunaikan pada waktunya kerana itulah di dalam niat sembahyang adanya perkataan *al-adaa'* (tunai) dan apabila dilaksanakan luar daripada waktu ia akan disebut *al-qadha'* (ganti).

Imam asy-Syafi'ie *Rahimahullahu Ta'ala* menekankan bahawa mendahulukan (menyegerakan) sembahyang adalah antara ciri memelihara sembahyang kerana mengakhirkkan sembahyang itu dikhuatiri akan menyebabkan lupa dan luput masa.

Perbuatan memelihara sembahyang ini jelas merupakan suruhan yang dituntut oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 238:

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ
وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

Mafhumnya:

Peliharalah (kerjakan dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu khasnya sembahyang wustha dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyu'.

Walaupun mengakhirkkan dalam mengerjakan sembahyang itu harus tapi menyegerakannya di awal waktu adalah lebih utama dan sangat digalakkan oleh agama sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud *Radhiallahu 'anhu*, dia berkata:

قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ

لَوْ قَتَبْتَهَا قَالَ: قُلْتُ ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: بَرُّ
الْوَالِدَيْنِ قَالَ: قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: الْجِهَادُ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

Maksudnya:

"Aku telah bertanya kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam: "Amalan manakah yang lebih disukai Allah Ta'ala?" Baginda Shallallahu 'alaihi wa sallam lalu menjawab: "Sembahyang pada (awal) waktunya." Aku ('Abdullah) bertanya: "Kemudian apa?" Baginda menjawab: "Berbuat baik kepada ibu bapa." Aku ('Abdullah) bertanya lagi: "Kemudian apa?" "Kemudian jihad pada jalan Allah."

Dengan itu apabila kita bersembahyang di awal waktu, secara tidak langsung kita telah mengikuti amalan sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam yang merupakan suri teladan umat Islam.

Namun begitu, terdapat segelintir daripada mereka yang tidak menunaikan sembahyang fardhu di awal waktu. Mereka sering melambatkan-lambatkannya atas alasan bagi menguruskan pelbagai keperluan yang lebih penting untuk dilakukan terlebih dahulu. Walhal menyegerakan sembahyang di awal waktu itu adalah lebih utama untuk dilakukan dan sangat dituntut dalam ajaran Islam.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Maa'uun, ayat 4 dan 5:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ

Mafhumnya:

Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (laitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa mereka yang sengaja melewati sembahyang sehingga habis waktunya termasuk dalam kalangan orang yang dicelakakan Allah.

Maksud celaka bagi orang-orang yang sembahyang itu adalah mereka ini mengerjakannya akan tetapi bukan pada waktu yang telah ditetapkan (lambat), ataupun mereka mengerjakan akan tetapi telah keluar dari waktunya (qadha' dalam keadaan yang bukan uzur). Mereka juga meninggalkan tuntutan sembahyang dalam rukunnya ataupun syaratnya yang mana ia dituntut bagi melakukannya.

Waktu Terbaik untuk Mengqadha' Sembahyang.

Adalah disunatkan untuk kita menjaga tertib sembahyang ketika mengqadha' sembahyang-sembahyang yang tertinggal seperti mengqadha' sembahyang subuh terlebih dahulu kemudian sembahyang Zuhur dan seterusnya. Diwajibkan pula untuk kita mengqadha' sembahyang yang ditinggalkan tanpa uzur syar'ie terlebih

dahulu daripada sembahyang yang ditinggalkan kerana uzur syar'ie.

Waktu terbaik untuk mengqadha' sembahyang adalah pada sebelum atau selepas sembahyang fardhu. Walaupun boleh diqadha', namun ianya bukanlah alasan untuk kita sewenang-wenangnya meninggalkan sembahyang.

Ini kerana mereka yang meninggalkan sembahyang atas sebab malas atau melengah-lengahkannya boleh menyebabkan dosa besar. Orang yang meninggalkannya kerana mengingkari hukum kewajibannya atau sengaja mempersendakannya akan menjadi kafir dan terkeluar daripada agama Islam.

Boleh jadi seseorang itu tidak menunaikan sembahyang fardhu kerana masih jahil agama, *lagha*, leka dengan dunia, kesibukan bekerja, malas dan sebagainya. Apapun alasannya, diri kita berhak untuk mendapat kehidupan yang baik di akhirat nanti. Justeru itu, berdoa dan bermohonlah agar kita kuat dan ditetapkan hati dalam melaksanakan semua ibadah yang menjadi kefardhuan kerana saat melakukan sembahyang inilah seorang hamba akan dekat dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ، وَهُوَ سَاجِدٌ، فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ.

Maksudnya:

Saat yang paling hampir seorang hamba dengan Tuhannya ialah ketika dia bersujud. Maka perbanyakkanlah doa.

Oleh itu, qadha'lah sembahyang yang telah ditinggalkan semampu mungkin kerana Allah Maha Mengetahui. Allah jugalah yang Maha Memberi Taubat dan oleh sebab itulah kita tidak boleh berputus asa untuk memohon keampunan dan mencari redha-Nya.

Keistimewaan Sembahyang di Awal Waktu.

Jadikan setiap waktu sembahyang sebagai temu janji kita yang paling eksklusif bersama Pencipta yang dinanti-nanti. Sentiasalah berada dalam kumpulan yang suka mengingatkan antara satu sama lain untuk sentiasa mengajak untuk bersembahyang seusai azan berkumandang.

Dengan menunaikan sembahyang di awal waktunya, kita akan mendapat ganjaran pahala berlipat ganda dan mendapat rahmat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Selain itu, doa yang dipohonkan akan segera dikabulkan. Justeru itu, sesiapa yang ingin doanya segera dimakbulkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, maka tunaikanlah sembahyang di awal

waktunya. Usahlah dilengah-lengahkan dan kerjakanlah ia dengan segera.

Banyak kelebihan dan keistimewaan bagi hamba-Nya yang menunaikan sembahyang di awal waktu. Dengan bersembahyang di awal waktu juga, kita akan dapat membentuk disiplin diri dengan menunaikan pada waktunya. Setiap saat dirasakan sangat berharga dan tidak akan terbuang dengan perbuatan *lagha* atau sia-sia. Ia juga mengajar kita supaya bijak menguruskan masa dengan sebaiknya. Sebarang kelambatan akan memberikan kesan buruk kepada catatan amalan kita. Selain itu, ia juga dapat menjadikan kita sebagai seorang mu'min yang berpegang kepada amanah dan menepati janji kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

الْوَقْتُ الْأَوَّلُ مِنَ الصَّلَاةِ رِضْوَانُ اللَّهِ،
وَالْوَقْتُ الْأَخِيرُ عَفْوُ اللَّهِ.

Maksudnya:

Sembahyang pada awal waktu akan memperoleh keredhaan Allah dan di akhirnya mendapat keampunan-Nya.

Selain itu, dengan bersembahyang di awal waktu, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan mempermudah urusan kita seharian. Kita akan mulai sedar

bahawa Allah akan menjaga dan mengurus kehidupan kita dengan cara yang paling baik. Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Abbas, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ، أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظَكَ، أَحْفَظِ اللَّهَ تَحِدُهُ تُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ.

Maksudnya:

Wahai anak, sesungguhnya aku akan mengajarmu beberapa kalimat; jagalah Allah nescaya Allah menjagamu, jagalah Allah nescaya kau menemui-Nya di hadapanmu, bila kau meminta, mintalah pada Allah dan bila kau meminta pertolongan, mintalah kepada Allah. Ketahuilah sesungguhnya seandainya umat bersatu untuk memberimu manfaat, mereka tidak akan memberi manfaat apa pun selain yang telah ditakdirkan Allah untukmu dan seandainya bila mereka bersatu untuk membahayakanmu, mereka tidak akan membahayakanmu sama sekali kecuali yang telah ditakdirkan Allah

padamu, pena-pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering. (Maksudnya takdir telah ditetapkan).

Menurut Ibnu Rajab dalam Kitab 'Ulum al-Hikam', maksud 'jagalah Allah' adalah menjaga perintah dan larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, nescaya hidup diberkati dunia dan akhirat. Lalu, menjaga sembahyang bererti turut menjaga perintah Allah.

Selain terlepas dari azab api neraka dan terhindar dari menjadi seorang munafiq, kita juga akan mendapat perlindungan dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada hari kiamat dan dinaikkan darjat di sisi-Nya. Dosa pula akan diampunkan dan mendapat jaminan syurga serta mendapat cahaya pada hari kiamat. Jadikanlah amalan sembahyang di awal waktu sebagai matlamat dan keutamaan hidup.

Bentuklah diri dengan mengamalkan sembahyang di awal waktu. Tinggalkan

sementara urusan dunia, dan tunaikan tanggungjawab kita kepada Maha Pencipta. Jangan sampai kita menyesali kerana gagal menyempurnakan sembahyang di awal waktu.

Sakit dan kematian tidak diduga ketibaannya. Menyegerakan kewajipan fardhu seperti sembahyang apabila masuk waktunya boleh menjadi pendering daripada kelalaian sembahyang. Kita tidak tahu bila saatnya kita akan dijemput menghadap Allah. Yang paling dikesali nanti, maut datang menjemput sebelum sempat menunaikan sembahyang kerana tidak menunaikan pada waktunya.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam insan yang taat menunaikan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan tetap istiqamah dalam memelihara dan menunaikan sembahyang tunai pada waktunya.



*Hari ini dia Sihat
Tapi tidak mau sembahyang*

*Esok dia ingin sembahyang
Tapi dia sakit*

*Dan esoknya lagi....
dia disembahyangkan*



-PERINGATAN-

Merciah Keunggulan Sembahyang

... إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Mafhumnya:

...*Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya.*

Surah an-Nisaa': 103

Sembahyang merupakan ibadah yang pertama difardhukan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas umat Islam. Ia diwajibkan dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj, ketika Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berada di *Sidratulmuntaha*. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa fardhunya sembahyang itu diperintahkan secara langsung oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Rasulullah, bukan melalui perantaraan malaikat Jibril *'alaihissalam*. Ini membuktikan bahawa sembahyang itu ibadah yang penting sekali dalam tujuan menguatkan iman dan ugama di samping membentuk peribadi yang baik.

Jangan kita lalakan untuk bersembahyang, cukup masanya, setiap muslim wajib menunaikan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu tanpa melenghaknya. Sembahyang merupakan suatu kefeldhuan dan kewajipan bagi setiap umat Islam yang mesti dilaksanakan pada setiap hari dalam waktu yang telah ditetapkan dan pada waktu-waktu tertentu.

Firman Allah dalam surah Huud, ayat 114:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفًا مِّنَ اللَّيْلِ...

Mafhumnya:

Dan dirikanlah sembahyang pada dua bahagian siang (Subuh, Zuhur dan Asar) dan pada bahagian permulaan malam (Maghrib dan Isya')...

Keistimewaan Sembahyang

Rebutlah manfaat sembahyang ini kerana ianya adalah ibadah, pembersih jiwa dan penyuci diri. Ternyata sembahyang lima waktu memberikan banyak manfaat dan meninggalkannya memberikan kita seribu satu kekesalan dan kemudharatan sepertimana himpunan ayat-ayat al-Qur'an yang telah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tetapkan iaitu dengan bersembahyang boleh mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, dapat menghapuskan dosa-dosa kecil, memperolehi hidayat dan kemenangan dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, dapat menambahkan lagi limpah kurnia Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Keistimewaan yang disebutkan ini adalah seperti berikut:

- Orang yang sembahyang adalah orang-orang yang positif dan berjaya.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ
خَشِعُونَ ﴿٢﴾

Mafhumnya:

Sesungguhnya berjayalah orang-orang beriman. (laitu) orang-orang

yang khusyu' dalam sembahyang mereka.

(Surah al-Mu'minuun:1-2)

- Jaminan untuk memasuki syurga.

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾
أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ
الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

Mafhumnya:

Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang mereka. Mereka itulah pewaris-pewaris. Yang akan mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Mu'minuun : 9-11)

- Menjadikan hati merasa tenang, sabar dan tabah dalam menghadapi masalah dan rasa syukur dalam mendapat kesenangan:

إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جُرُوعًا ﴿١٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ
مَنْوَعًا ﴿١١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿١٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى
صَلَاتِهِمْ دَائِبُونَ ﴿١٣﴾

Mafhumnya:

Apabila dia ditimpa kesusahan, dia berkeluh kesah, Dan apabila dia mendapat kebaikan, dia kedekut, kecuali orang-orang yang mendirikan sembahyang. Iaitu orang-orang yang tetap mendirikan sembahyang.

(Surah al-Ma'aarij: 20-23)

- Mencegah daripada perbuatan keji, maksiat dan mungkar:

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ
إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ...

Mafhumnya:

Bacalah (wahai Nabi Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu daripada al-Qur'an dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar...

(Surah al-'Ankabuut: 45)

- Menghapuskan dosa-dosa kecil:

...إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرٌ
لِّلذَّكِّرِينَ

Mafhumnya:

...Sesungguhnya kebaikan-kebaikan (seperti sembahyang lima waktu) itu menghapuskan kejahatan-kejahatan (dosa-dosa kecil). Itulah peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat-ingat.

(Surah Huud: 114)

- Mendapat petunjuk dan taufiq dari Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Agar mereka selalu beriman dan beramal shalih. Mereka juga termasuk dalam golongan orang-orang yang

diselamatkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga:

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ
بِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٥١﴾ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى
مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Mafhumnya:

laitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka yakin adanya hari akhirat. Mereka itulah yang beroleh hidayat daripada Tuhan mereka. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan.

(Surah Luqmaan: 4-5)

- Dilimpahi kurnia pahala yang besar:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ
وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ
تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٦٩﴾ لِيُؤْفِقَهُمُ أَجْرَهُمْ
وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ

Mafhumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan

sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara berterang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan lagi limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Membalas dengan sebaik-baiknya (orang-orang yang bersyukur kepada-Nya).

(Surah Faathir: 29-30)

Ibadah sembahyang itu amat unik kerana pengisiannya yang tersendiri berbeza dengan ibadat yang lain kerana di dalamnya terkumpul pelbagai perkara dan perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Di dalam sembahyang terdapat zikrullah, mengingati Rasul-Nya dengan bacaan selawat, bacaan surah-surah al-Qur'an, tasbih, diam pada suatu tempat, (perbuatan) menghadap qiblat, thaharah, menutupaurat, meninggalkan percakapan dan keistimewaan yang khusus terdapat dalam sembahyang, iaitu adanya perbuatan ruku', sujud dan lainnya.

Balasan Meninggalkan Sembahyang

Di dalam al-Qur'an selain ayat-ayat memerintahkan wajibnya melakukan sembahyang, terdapat juga firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang menunjukkan kemurkaan-Nya terhadap

hamba-Nya yang mengingkari perintah tersebut sepertimana yang dinyatakan dalam ayat berikut. Maka, jelas sesungguhnya sudah terang dinyatakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa mereka yang tidak bersembahyang akan ditempatkan untuk tinggal di dalam neraka Saqar, inilah ancaman yang berupa azab kecelakaan yang besar.

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٢٨﴾ إِلَّا أَصْحَابَ الْيَمِينِ ﴿٢٩﴾
 فِي جَنَّاتٍ يَنسَاءُونَ ﴿٣٠﴾ عَنِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٣١﴾
 مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٣٢﴾ قَالُوا لَوْلَا نُنزِّلُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٣٣﴾

Mafhumnya:

Setiap orang bertanggungjawab atas apa yang telah dilakukannya. Melainkan golongan kanan. (Mereka berada) di dalam syurga-syurga, mereka saling bertanya. Tentang (keadaan) orang-orang yang berdosa. (Mereka berkata:) "apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka Saqar?" Orang-orang berdosa itu berkata: "Kami tidak termasuk dalam golongan yang mendirikan sembahyang."

(Surah al-Muddatstsir:38-43)

Jangan kita Lalai

Kita telah diajar, dididik dan diasuh tentang kewajipan sembahyang, khususnya sembahyang lima waktu sehari semalam. Namun berapa ramai yang benar-benar mengambil berat

untuk memelihara sembahyang yang diwajibkan itu dan masih sibuk untuk mengutamakan segala urusan dunia. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memerintahkan kita untuk sembahyang dan memelihara ibadah ini agar ditunaikan dengan sempurna dan tepat pada waktunya, kita tidak boleh sewenangnyanya mengubah ketetapan ini dengan sengaja menunaikan sembahyang di luar waktunya tanpa alasan yang dibenarkan oleh syara'.

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى
 وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَنِينًا ﴿٢٣٨﴾

Mafhumnya:

Peliharalah (kerjakan dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu khasnya sembahyang wustha dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan ta'at dan khusyu'.

(Surah al-Baqarah: 238)

Keistimewaan Orang Bermusafir

Adapun keistimewaan diberikan kepada mereka yang bermusafir iaitu mempunyai rukhsah (keringanan) sembahyang jama' atau qashar. Allah

Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah an-Nisaa', ayat 101:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ
 تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ...

Mafhumnya:

Dan apabila kamu bermusafir di muka bumi maka bukanlah suatu dosa ke atas kamu mengqasharkan (memendekkan) sembahyang...

Perlulah diingat, sembahyang lima waktu itu tidak boleh ditinggalkan sama sekali oleh orang Islam yang mukallaf (aqil baligh) dan suci daripada haidh dan nifas. Jika tidak mampu mengerjakannya dengan sebab ada sesuatu keuzuran seperti tidak boleh berdiri maka diharuskan dengan cara duduk dan kalau tidak boleh duduk, maka diharuskan dengan cara berbaring dan jika semua anggota tidak berdaya, diharuskan dengan mengisyaratkan dengan kelopak mata, hatta kalau ia tidak mampu juga berbuat demikian, maka harus mendirikan sembahyang dengan cara meniatkan sembahyang di dalam hati. Melihat kepada keringanan yang digariskan oleh Islam, maka tidak ada alasan untuk kita mengabaikan kewajipan sembahyang walau dalam keadaan apa pun.



**firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*
yang mafhumnya:**

"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang. Dan sesungguhnya sembahyang itu sangat berat (mendirikannya) melainkan bagi orang-orang yang khusyu'."

(Surah al-Baqarah : 45)



Sembahyang Dipelihara Keluarga Bahagia

Oleh: Mohammad Noorsuffian bin Haji Yahya
Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait

Ugama Islam, satu-satunya ugama yang sangat menitikberatkan soal sembahyang. Lebih-lebih lagi soal sembahyang fardhu lima waktu; difardhukan kepada semua orang Islam yang mukallaf sehari semalam dalam waktu-waktu yang ditentukan, sama ada lelaki mahupun perempuan, melainkan uzur syar'ie. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah an-Nisaa', ayat 103:

... إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Mafhumnya:

...*Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya.*

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*, dia berkata:

بُيِّ الأِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

Maksudnya:

Islam itu dibina di atas lima rukun: Mengucap syahadah; Laa ilaaha illallah, Muhammadur Rasululllah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadhan.

Sembahyang mampu mendidik jiwa seseorang memahami akan erti ketaqwaan, ketenangan, kesabaran, tawakkal, dan berpegang teguh hanya kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sahaja, sebagai tempat bergantung dalam semua urusan kehidupan.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Maa'idah, ayat 55:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾

Mafhumnya:

Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman yang mendirikan sembahyang dan membayar zakat, hal keadaan mereka itu tunduk patuh menjunjung perintah Allah.

Jika kita melihat, kepada sirah bermulanya syari'at mendirikan sembahyang fardhu, ianya juga satu-satunya sahaja ibadah yang disyari'atkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, yang diterima langsung oleh nabi kita, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Perkara ini dirakamkan dalam al-Qur'an, iaitu ketika peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, dan sampai di *Sidratulmuntaha*, menerima perintah langsung dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sebagaimana disebutkan dalam hadits yang panjang, dalam peristiwa Isra' Mi'raj. Betapa agungnya perintah ibadah sembahyang fardhu lima waktu itu, buat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* serta umatnya.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Israa', ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ السَّمَاءِ إِنَّنَا إِنَّا وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Mafhumnya:

Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjidilaqsha (Baitulmaqdis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian

daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Peristiwa tersebut dijelaskan dalam hadits Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu Hazm dan Anas bin Malik, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

فَفَرَضَ اللَّهُ عَلَى أُمَّتِي حَمْسِينَ صَلَاةً قَالَ: فَرَجَعْتُ بِذَلِكَ حَتَّى أَمَرَ بِمُوسَى، فَقَالَ مُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ: مَاذَا فَرَضَ رَبُّكَ عَلَيَّ أُمَّتِكَ؟ قَالَ: قُلْتُ: فَرَضَ عَلَيْهِمْ حَمْسِينَ صَلَاةً، قَالَ لِي مُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ: فَرَاغِ رَبِّكَ، فَإِنَّ أُمَّتَكَ لَا تُطِيقُ ذَلِكَ، قَالَ: فَرَاغْتُ رَبِّي، فَوَضَعَ شَطْرَهَا، قَالَ: فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَأَخْبَرْتُهُ قَالَ: رَاجِعِ رَبِّكَ، فَإِنَّ أُمَّتَكَ لَا تُطِيقُ ذَلِكَ، قَالَ: فَرَاغْتُ رَبِّي، فَقَالَ: هِيَ حَمْسٌ وَهِيَ خَمْسُونَ لَا يُبَدِّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ، قَالَ: فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى، فَقَالَ: رَاجِعِ رَبِّكَ، فَقُلْتُ: قَدْ اسْتَحْيَيْتُ مِنْ رَبِّي.

Maksudnya:

Allah memfardhukan sembahyang lima puluh waktu atas umatku. Baginda bersabda lagi: "Lalu aku kembali dengan perintah tersebut hingga aku bertemu Musa, maka Nabi Musa 'alaihissalam bersabda: "Apa yang telah diwajibkan Tuhanmu kepada umatmu?" Baginda bersabda: "Aku menjawab Allah mewajibkan sembahyang lima puluh waktu atas mereka". Maka Musa bersabda kepadaku: "Maka kembalilah kepada Tuhanmu, maka sesungguhnya umatmu tidak akan mampu melakukannya. Baginda bersabda: Lalu aku kembali kepada Tuhanku, lalu Dia membebaskan setengahnya." Lalu aku kembali pada Musa, lalu aku memberitahukannya hingga dia pun bersabda, 'Kembalilah kepada Tuhanmu, kerana umatmu tidak akan mampu melakukannya.' Baginda bersabda: "Lalu aku kembali pada Tuhanku". Maka Allah berkata: "Ia lima waktu dan ia lima puluh waktu, tidak diubah lagi pernyataan itu untukku. Lalu baginda bersabda: "Maka aku kembali kepada Musa, maka dia bersabda: "Kembalilah pada Tuhanmu" Maka baginda bersabda: "Sungguh aku telah malu terhadap Tuhanku."

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu, katanya, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

يَا مُحَمَّدُ، إِنَّهُنَّ خَمْسَ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ
 وَلَيْلَةٍ، لِكُلِّ صَلَاةٍ عَشْرٌ، فَذَلِكَ خَمْسُونَ
 صَلَاةً، وَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كُتِبَتْ
 لَهُ حَسَنَةٌ، فَإِنْ عَمِلَهَا كُتِبَتْ لَهُ عَشْرًا،
 وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا لَمْ تُكْتَبْ شَيْئًا،
 فَإِنْ عَمِلَهَا كُتِبَتْ سَيِّئَةٌ وَاحِدَةً.

Maksudnya:

Allah berfirman: "Wahai Muhammad! Sesungguhnya aku fardhukan lima waktu sehari semalam. Setiap sembahyang fardhu dilipatgandakan dengan sepuluh kali lipat. Maka itulah lima puluh sembahyang fardhu. Begitu juga barangsiapa yang berniat untuk melakukan kebaikan tetapi tidak melakukannya nescaya akan dicatat baginya satu kebaikan. Jika dia melaksanakannya, maka dicatat sepuluh kebaikan baginya. Sebaliknya barangsiapa yang berniat ingin melakukan kejahatan, tetapi tidak melakukannya, nescaya tidak dicatat baginya sesuatu pun. Seandainya jika dia mengerjakannya, maka dicatat sebagai satu kejahatan baginya."

Ibadah sembahyang yang disyariatkan boleh dilihat mengandung beberapa hikmah antaranya:

- i. Seorang hamba dapat menzahirkan sifat 'ubudiyah atau perhambaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala,

merasakan diri sentiasa terikat dengan penciptanya.

- ii. Sembahyang menjadikan seseorang itu kuat hubungannya dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala, dan menjadikannya sentiasa mengingati Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- iii. Sembahyang juga membuat hati menjadi tenang, jiwa merasa lapang dan melepaskan seseorang itu daripada rasa susah yang mengeruhkan keceriaan hidup.
- iv. Hikmah dan manfaat utama adalah sembahyang mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan mungkar, dan salah satu sebab yang boleh membersihkan seseorang hamba daripada dosa dan kesalahan.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Jabir, dia berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَثَلُ الصَّلَاةِ الْخَمْسِ كَمَثَلِ نَهْرٍ جَارٍ،
 عَمْرٍ عَلَى بَابِ أَحَدِكُمْ، يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ
 يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ.

Maksudnya:

Bandingan sembahyang lima waktu ialah seperti sebatang sungai yang mengalir di hadapan rumah seseorang daripada kamu, setiap hari dia mandi sebanyak lima kali (di sungai itu).

Di dalam membentuk keluarga bahagia, sebagai seorang Islam, memelihara sembahyang fardhu adalah satu keperluan yang wajib dilaksanakan. Sembahyang sebagai medium atau cara kitani berinteraksi dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, membentuk hubungan munajat kepada pencipta dan pengabdian seorang hamba dalam menyerahkan segala urusan, memohon keselamatan di dunia dan di akhirat kepada-Nya.

Sememangnya kitani faham bahawa rumahtangga yang dibina diibaratkan seperti air lautan; sentiasa ada pasang dan surutnya. Hari-hari yang dilalui tidak semestinya sentiasa riang gembira, kadang-kala ada berlaku permasalahan dan konflik yang boleh menyebabkan rumahtangga dilanda ombak bergolak bergelora. Sejak akhir-akhir ini majoriti kes perceraian berpunca daripada sifat lalai dan alpa, sibuk dengan kehidupan dunia sehingga mengabaikan dan melanggar akan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*; suami isteri meninggalkan sembahyang.

Sesungguhnya ibadat sembahyang yang dijaga akan mewujudkan *hablumminallah* atau hubungan manusia dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, maka dengan sendirinya akan wujud *hablumminannas*; hubungan sesama manusia. Suami isteri yang menjaga kefardhuan sembahyang, ditambah lagi dengan mengerjakannya secara berjemaah, pastinya hubungan semakin erat, ampuh dan mantap

dalam ikatan kekeluargaan, di samping menanam sifat kerohanian dalam diri, sebagai titik perubahan suami isteri ketika berdepan dengan konflik kekeluargaan. Ianya juga bertujuan mendidik jiwa ahli-ahli keluarga dengan perasaan kasih sayang di samping menyemai sifat hormat-menghormati sesama sendiri. (Media Permata; 8 Februari 2023, Rabu, Keluarga disaran sembahyang berjemaah; Yusrin Junaidi).

Sembahyang berjemaah itu adalah sembahyang yang dilakukan lebih daripada seorang atau secara beramai-ramai, dengan diketuai atau dipimpin oleh seorang imam. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Umar, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةِ الْفَدِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً.

Maksudnya:

Sembahyang berjemaah itu lebih afdhal (baik) daripada sembahyang bersendirian dengan dua puluh tujuh kali darjat.

Sembahyang berjemaah itu terdiri daripada seorang imam dan sekurang-kurangnya seorang ma'mum. Sembahyang berjemaah sangat dituntut dalam Islam, bahkan ianya adalah fardhu kifayah dalam Mazhab Imam asy-Syafi'ie, dan sesetengah pendapat mengatakan sembahyang berjemaah adalah sunat muakkad.

Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada 'Utsman bin 'Affan, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَنْ شَهِدَ الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ كَانَ لَهُ قِيَامٌ
نِصْفِ لَيْلَةٍ وَمَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ وَالْفَجْرَ فِي
جَمَاعَةٍ كَانَ لَهُ كَقِيَامِ لَيْلَةٍ.

Maksudnya:

Barangsiapa melaksanakan sembahyang Isya' berjemaah maka dia mendapatkan pahala sembahyang setengah malam, dan barangsiapa melaksanakan sembahyang Isya' dan Subuh dengan berjemaah maka dia mendapatkan pahala seperti sembahyang sepanjang malam.

Ini menunjukkan betapa besarnya pahala yang diraih dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam mengerjakan sembahyang secara berjemaah.

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam turut menekankan dan menasihati agar suami isteri sebagai ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka menjaga dan melaksanakan sembahyang sejak mereka usia kanak-kanak lagi. Imam Abu Daud dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Amru bin Syu'aib, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَعِ
سِنِينَ وَاصْرَبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ
وَقَرِّفُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

Maksudnya:

Perintahkanlah anak-anak kamu untuk melaksanakan sembahyang apabila sudah mencapai umur tujuh tahun. Apabila sudah mencapai umur sepuluh tahun, maka pukullah dia apabila tidak melaksanakannya serta pisahkanlah tempat tidur mereka.

Ibu bapa sebagai contoh dan *role model* untuk anak-anak mengambil contoh tauladan di samping mendidik. Dengan sembahyang berjemaah contohnya, dapat menampakkan kepimpinan kekeluargaan ibu bapa; memberikan atau menyampaikan tazkirah, berbincang mahu pun membaca al-Qur'an setelah selesai sembahyang berjemaah, bagi mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Sekurang-kurangnya memperuntukkan satu atau dua sembahyang, khususnya pada waktu Maghrib dan Isya', setiap hari dilakukan secara berjemaah atau seminggu sekali atau sebulan sekali, jika ada halangan-halangan yang tidak dapat dielakkan.

Banyak kelebihan bagi ibu bapa dan ahli-ahli keluarga yang dapat melaksanakan sembahyang berjemaah antara lainnya:

- i. Mengukuhkan dan menambahkan keakraban silaturrahim, kasih sayang antara ahli-ahli keluarga.
- ii. Masa untuk berkumpul dengan ahli-ahli keluarga.
- iii. Mendidik ahli-ahli keluarga akan kepentingan menjaga sembahyang, terutama sembahyang fardhu.

- iv. Menghidupkan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*; menunaikan sembahyang secara berjemaah.
- v. Antara salah satu cara untuk berda'wah kepada ahli-ahli keluarga.

Beruntung suami isteri atau ibu bapa yang dapat mendidik anak-anak melaksanakan sembahyang fardhu, lebih-lebih lagi mengerjakannya secara berjemaah. Dengan hasil didikan tersebut memberikan sedikit sebanyak sebagai persediaan buat anak-anak dalam menjalani kehidupan berpedoman, dan juga sebagai persediaan sekurang-kurangnya anak-anak dapat membacakan surah al-Faatihah, untuk disedekahkan pahalanya jika ibu bapa yang pergi dulu menghadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Titipan amanah buat ahli-ahli keluarga

dalam soal menjaga sembahyang, *in syaa* Allah akan lahir rasa tanggungjawab untuk mendisiplinkan diri dalam kehidupan. Menjadikan sembahyang sebagai masa untuk kita berehat; ibu bapa sibuk bekerja, anak-anak sibuk menguruskan hal sendiri. Maka dengan sembahyang berjemaah sebagai cara untuk perpaduan atau *reunion* semula, mengambil peluang dalam membina ikatan antara satu sama lain. Semakin erat ikatan yang dibina, perasaan mahabbah atau kasih sayang menerusi sembahyang berjemaah, *in syaa* Allah semakin hilang sifat-sifat yang tercela atau mazmumah.

Pandemik COVID-19 sebelum ini, yang melanda negara lebih kurang dua tahun, sedikit sebanyak memberikan iktibar kepada manusia, bahawa kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tiada



batasnya, berkuasa atas segala-galanya. Memberikan peringatan dan kesadaran kepada manusia untuk sentiasa kembali kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Antara tuntutan sewaktu pandemik itu adalah agar sentiasa duduk atau teranah di rumah, dalam ikhtiar membendung pandemik tersebut dari tersebar.

Alhamdulillah, negara kitani dikenali dengan negara zikir, ikhtiar dan saranan dalam melaksanakan sembahyang berjemaah di rumah dari pihak berwajib diterapkan, sebagai salah satu cara dan usaha dalam menghadapi suasana yang terbatas, mengurangkan rasa gelisah mahupun kemurungan dengan menjadikan sembahyang berjemaah itu menjadi amalan, berharap dan berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar pandemik COVID-19 tersebut dapat dihindarkan, diangkat dan dihilangkan oleh-Nya.

Itulah ujian, ujian yang dapat mendekatkan diri seseorang muslim dan muslimat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, tidak ada tempat selayaknya diharapkan pertolongan selain kepada-Nya. Melihat kembali kepada perkara-perkara kelebihan sembahyang berjemaah sebelum ini, benarlah ianya salah satu cara bagi mengukuhkan keakraban silaturrahim antara ahli-ahli keluarga dan suami isteri dalam menghadapi saat-saat getir.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-'Ankabuut, ayat 2-3:

أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا
وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ
فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

Mafhumnya:

Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan (hanya) berkata: "Kami telah beriman," sedang mereka tidak diuji? Dan demi sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang berdusta.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Shuhaib, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ
ذَٰكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ
شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ
صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

Maksudnya:

Sungguh menakjubkan urusan orang mukmin. Segala perkara yang dialaminya sangat menakjubkan. Setiap takdir yang ditetapkan Allah bagi dirinya adalah kebaikan. Apabila kebaikan dialaminya, maka dia bersyukur dan

hal itu merupakan kebaikan baginya. Dan apabila keburukan menyimpannya, dia bersabar dan hal itu merupakan kebaikan baginya.

Untuk itu, sebagai ibu bapa, bagaimana anak-anak dapat dididik untuk mengerjakan sembahyang jika ibu bapa itu sendiri tidak menunaikan dan melaksanakannya, dan setentunya akan memberikan kesan jika perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sudah berani dilanggar, maka jangan mengharap dan menyalahkan anak-anak jika mereka tidak mengikut arahan ibu bapa di rumah.

Hikmah sembahyang berjemaah itu sendiri, antara lain mendidik disiplin diri, menanam sikap hormat-menghormati antara satu sama lain, meningkatkan ukhuwah Islamiah, apatah lagi mengeratkan hubungan dalam kekeluargaan; suami isteri, anak-anak dan ahli-ahli keluarga.

Bermuhasabah dan cerminlah diri sendiri bila kali terakhir kita mengerjakan sembahyang berjemaah bersama anak-anak dan keluarga? Pandulah kehidupan berkeluarga ke arah kebaikan dan keberkatan, bagi meraih keselamatan dan kejayaan bukan sahaja di dunia, bahkan di akhirat juga. Mudah-mudahan syurga jua destinasi terakhir kitani semua harapkan, *Aamin ya Rabbal 'aalamiin*.



Sembahyang Dibenteng kemungkaran



الهدري



Bilal bin Rabah

Radhiallahu 'anhu

Bilal bin Rabah *Radhiallahu 'anhu* juga dikenali sebagai Bilal al-Habasyi. Beliau juga biasa dipanggil sebagai Abu 'Abdillah dan digelar Muadzzin ar-Rasul. Beliau dilahirkan di Daerah as-Sarah yang terletak di pinggir Kota Mekah sekitar tahun 43 sebelum hijrah. Beliau berasal dari Negeri Habasyah yang sekarang dikenali dengan Ethiopia. Ayahnya bernama Rabah dari keturunan Arab, manakala ibunya bernama Hamamah yang merupakan seorang hamba wanita berkulit hitam yang tinggal di Mekah. Oleh kerana itulah sesetengah orang memanggil Bilal bin Rabah dengan gelaran Ibnus Sauda' iaitu yang bermaksud “putera atau anak wanita hitam”.

Bilal bin Rabah bukanlah daripada keturunan orang-orang yang kaya. Beliau dibesarkan di Kota Ummul Qura sebagai seorang budak atau hamba anak-anak yatim milik keluarga Bani Abdudhar. Setelah ayahnya meninggal dunia beliau diwariskan atau diserahkan di bawah jagaan Umayyah bin Khalaf Jamhi al-Qurasyi iaitu salah seorang tokoh penting dari kalangan para pemimpin atau pembesar kaum musyrikin Mekah yang menentang da'wah Islam. Di sinilah bermulanya perjalanan hidup Bilal bin Rabah yang menempuhi berbagai cubaan dan dugaan hidup sebagai seorang hamba dan juga sebagai sahabat mulia Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* iaitu setelah beliau memeluk agama Islam. Riwayat atau perjalanan hidupnya merupakan suatu kisah yang amat memilukan dan penuh dengan azam yang tinggi dalam memperjuangkan agama Islam.

Pengislaman dan Penyeksaannya

Ketika Mekah diterangi cahaya agama baru iaitu Islam dan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mula menyebarkan seruan kalimat tauhid yang suci itu, maka Bilal bin Rabah juga tidak terkecuali mendengar berita bahawa telah datang seorang rasul yang diutus oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk memimpin umat manusia menuju jalan yang diredhainya. Bilal bin Rabah merasa tertarik untuk mengikuti dan mendalami da'wah tersebut. Dengan hati yang terbuka untuk menerima Islam dan mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya iaitu setelah beberapa kali mengikutinya, maka beliau menyatakan dirinya sebagai seorang muslim dengan mengucapkan dua kalimah syahadat di hadapan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* melalui bantuan salah seorang sahabatnya iaitu al-Fadhil.

Setelah Bilal bin Rabah diberi hidayat oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan tertarik hatinya kepada ajaran agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, lalu baginda mengingatkan kepada beliau yang telah menjadi sahabat baginda supaya menyembunyikan agamanya dari pengetahuan orang-orang kafir Mekah terutama dari tuannya iaitu Umayyah bin Khalaf.

Dengan penuh taat setia, Bilal bin Rabah mengikut nasihat Rasulullah *Shallallahu*

'alaihi wa sallam agar terhindar daripada diseksa oleh tuannya itu. Namun takdir Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berkehendakkan sebaliknya, tetapi semua mengandungi hikmah yang tersembunyi bagi diri seorang pejuang Islam. Di sinilah bermulanya perjuangan Bilal bin Rabah dalam mempertahankan kesucian agama Islam yang baru diterimanya. Apa yang disembunyikan tentang dirinya yang telah memeluk agama Islam itu akhirnya diketahui oleh Umayyah bin Khalaf. Beliau merasa amat marah apabila mendengar berita tersebut dan tanpa peri kemanusiaan telah menyeksa Bilal bin Rabah dengan cara yang amat kejam.

Umayyah bin Khalaf telah menyeksa Bilal bin Rabah dengan tujuan agar beliau kembali kepada kepercayaan jahiliyahnya iaitu menyembah berhala. Namun, seksaan itu tidak sedikitpun memberi kesan apa-apa kepada Bilal bin Rabah, bahkan semakin bertambah kuat pegangan aqidahnya dan keyakinannya terhadap agama Islam yang baru dianutinya itu.

Bilal bin Rabah diseksa dengan cara menjerut lehernya dengan tali yang panjang. Kemudian menyuruh budak-budak menariknya di atas pasir yang panas. Namun Bilal bin Rabah tidak merasa kesal, sebaliknya ketika penyeksaan itu berterusan dia dengan tegasnya menyatakan pendiriannya dan dengan suara yang terputus-putus beliau sentiasa menyebut kalimah

Ahad, Ahad, Ahad yang bererti: “Allah yang Maha Esa, Allah yang Maha Esa, Allah yang Maha Esa.”

Melihat penyiksaan yang dilakukan terhadap Bilal bin Rabah itu langsung tidak memberi kesan kepadanya, maka Umayyah bin Khalaf merancang bentuk penyiksaan yang lain pula iaitu dengan mengikat kedua-dua belah tangan dan kaki Bilal bin Rabah dengan tali. Setelah itu dibawanya Bilal bin Rabah ke tengah-tengah padang pasir lalu dijemur. Ketika itu keadaan padang pasir sangat panas sekali, sekiranya apabila diletakkan daging yang mentah maka hanya beberapa minit atau saat sahaja daging mentah itu akan masak.

Penyiksaan Umayyah bin Khalaf tidak berhenti setakat itu sahaja, beliau kemudiannya meletakkan di atas dada Bilal bin Rabah sebiji batu yang besar lagi berat sehingga beliau sukar untuk bernafas. Namun tidak ada reaksi penyesalan keluar dari mulut Bilal bin Rabah perkataan untuk mengalah dan memohon belas kasihan, bahkan di dalam hatinya masih menyebut perkataan Ahad, Ahad, Ahad, “Allah yang Maha Esa, Allah yang Maha Esa, Allah yang Maha Esa” yang berulang-ulang dilafazkannya di dalam hati.

Bilal bin Rabah terus disiksa di atas padang pasir disebabkan keengganannya menyerah kalah, Dia dibiarkan beberapa hari tanpa diberi makan dan minum. Penderitaan itu

terus dirasakannya siang dan malam. Dalam keadaan Bilal bin Rabah seperti itu, Umayyah bin Khalaf tidak putus asa untuk terus mendesak Bilal bin Rabah agar meninggalkan agama Islam yang dianutinya dan kembali kepada agama menyembah berhala Latta dan Uzza. Ini dilakukannya kerana menyangkakan bahawa Bilal bin Rabah akan menyerah kalah dengan berbagai seksaan yang telah dilakukan kepadanya. Namun sangkaan Umayyah bin Khalaf meleset sama sekali, kerana Bilal bin Rabah tetap dengan pendiriannya. Baginya seksaan dan penderitaan yang dirasakannya itu masih terlalu ringan jika dibandingkan seksaan yang akan diterimanya kerana menolak agama Islam. Semua ini juga adalah atas kekuatan cintanya kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam*.

Ketika seksaan ke atas Bilal bin Rabah ini berterusan, maka pada suatu hari melintalah Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq *Radhiallahu ‘anhu* di tempat Bilal bin Rabah yang sedang disiksa itu. Melihat keadaan Bilal bin Rabah yang demikian rupa, walaupun disiksa imannya tidak goyah, maka Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq meminta kepada Umayyah bin Khalaf agar menjual hambanya itu kepadanya. Lalu Umayyah bin Khalaf pun bersetuju kerana dia sudah jemu menyiksa Bilal bin Rabah yang tidak pernah luntur kepercayaannya terhadap ajaran yang dibawa oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* itu. Bilal bin Rabah

dibebaskan dan dijual oleh Umayyah bin Khalaf kepada Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq dengan harga cuma beberapa dirham sahaja.

Kemudian Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq membawa Bilal bin Rabah ke rumahnya untuk merawat lukanya yang parah akibat seksaan yang dilakukan oleh Umayyah bin Khalaf. Setelah sembuh, Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq telah memerdekakan Bilal bin Rabah dan menyampaikan khabar berita tentang pembebasan Bilal bin Rabah tersebut kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Baginda merasa gembira dengan tindakan Abu Bakar ash-Shiddiq itu.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah mengizinkan sahabat-sahabat baginda untuk berhijrah ke Madinah bertujuan untuk menyelamatkan mereka daripada disiksa oleh orang-orang kafir Quraisy Mekah. Turut serta dalam rombongan tersebut ialah Bilal bin Rabah. Setibanya di Madinah, Bilal bin Rabah tinggal serumah dengan Abu Bakar ash-Shiddiq dan Amir bin Fuhairah.

Bilal bin Rabah tinggal di Madinah dengan tenang dan jauh dari ancaman orang-orang Quraisy yang kerap menyeksanya. Beliau mencurahkan khidmat bakti dan kesetiannya kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Bilal bin Rabah sentiasa di samping

baginda, sama ada ketika beriadah mahupun ketika pergi untuk berjihad. Keakraban beliau bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ini ibarat bayang yang tidak lepas dari pemiliknnya.

Orang Pertama Menjadi Muadzzin

Dengan adanya rasa kepercayaan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* terhadap Bilal bin Rabah, maka apabila Masjid an-Nabawi di Madinah selesai dibina, baginda telah melantik beliau menjadi muadzzin atau juru azan baginda di Masjid an-Nabawi. Dengan lantikan tersebut, maka telah menjadikan Bilal bin Rabah sebagai orang pertama yang mengumandangkan azan dalam sejarah Islam dan kisah ini adalah sangat terkenal.

Selain sebagai muadzzin, Bilal bin Rabah juga pernah memegang jawatan sebagai bendahara Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* di Baitulmal. Beliau juga menyertai semua peperangan bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Beliau tidak pernah tidak hadir dalam semua peperangan. Antara peperangan yang disertainya bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ialah Perang Badar, Perang Uhud dan Perang Khandaq.

Bilal bin Rabah sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepadanya itu dengan ikhlas dan penuh keyakinan, bukan hanya semata-

mata kerana atas lantikannya sebagai muadzzin, tetapi demi perjuangannya dalam menegakkan syi'ar Islam yang telah menebal di dalam dirinya.

Bilal bin Rabah telah menjadi muadzzin tetap Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sehinggalah ke akhir hayat baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Sejak kepergian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, Bilal bin Rabah hanya sanggup mengumandangkan azan selama tiga hari. Kemudian setelah itu Bilal bin Rabah menemui Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq agar ia tidak lagi mengumandangkan azan. Ini kerana beliau merasa tidak sanggup lagi melakukannya lantaran terlalu sedih dan berdukacita atas kewafatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Bilal bin Rabah juga meminta keizinan daripada Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq untuk beliau meninggalkan Madinah al-Munawwarah dan berhijrah ke Negeri Syam (Syria).

Bilal bin Rabah tidak lagi melaungkan azan, sehinggalah pada suatu hari al-Faruq Umar bin al-Khaththab datang ke Damsyik untuk menemuinya setelah bertahun lama tidak bertemu. Saiyidina

Umar bin al-Khaththab meminta Bilal bin Rabah supaya mengumandangkan azan sekali lagi kerana beliau terlalu merindui Bilal bin Rabah dan juga amat menghormatinya. Apabila Bilal bin Rabah mengumandangkan azan, Saiyidina Umar bin al-Khaththab dan para sahabat yang ada bersama pada masa itu terus menangis kerana perasaan mereka tersentuh terkenangkan suara azan tersebut. Azan yang dikumandangkan telah membangkitkan kerinduan mereka kepada zaman Madinah al-Munawwarah yang gemilang. Hari itu adalah azan pertama dan terakhir Bilal bin Rabah setelah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* wafat.

Bilal bin Rabah terus menetap di Damsyik sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 20 Hijrah iaitu dalam usia beliau 60 tahun. Beliau meninggal dunia kerana sakit tenat dan sebelum menghembuskan nafas yang terakhir beliau sering menyebut: "Esok kita akan bertemu dengan para kekasih Muhammad dan sahabat baginda." Beliau dikebumikan di Kota Damsyik, berdekatan dengan Daerah Babur Saghir.



MUS'AB BIN 'UMAIR

Mus'ab bin 'Umair adalah seorang belia yang dibesarkan dalam keluarga yang kaya raya dan merupakan salah seorang sahabat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Beliau seorang yang berketurunan bangsawan, seorang yang segak bergaya memakai pakaian yang mahal-mahal dan minyak wanginya semerbak harum. Dibesarkan dalam kemewahan, mungkin pada zaman tersebut tidak ada pemuda Mekah yang beruntung seperti yang dirasakan oleh Mus'ab bin 'Umair.

Memeluk Islam

Ketika Mus'ab bin 'Umair mendengar ada seorang nabi yang ajarannya mengesakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan serta telah ada orang-orang yang beriman dengan ajaran nabi itu maka beliau pun membuat penyiasatan. Hari demi hari Mus'ab bin 'Umair telah memerhatikan orang-orang yang beriman dengan ajaran Islam. Mereka sering berkumpul di suatu tempat yang bernama as-Safa (salah sebuah rumah pengikut Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*). Setelah lama menyiasat tentang kegiatan agama Islam yang dilakukan oleh pengikut Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, maka Mus'ab bin 'Umair pun masuk ke rumah tersebut dan mendengar ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca oleh Rasulullah, lantas hatinya tertarik lalu memeluk agama Islam.

Pengislamannya ini disembunyikan dari pengetahuan ibunya dan beliau hanya berserah kepada Allah mengenai dengan nasibnya. Walaupun begitu Mus'ab selalu berulang alik ke rumah tersebut untuk berjumpa dan duduk bersama-sama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Namun, akhirnya berita pengislaman Mus'ab diketahui oleh ibunya dengan pengakuan dari Mus'ab sendiri dan ini menimbulkan kemarahan ibunya dan menyuruh untuk berbalik semula dengan agama lamanya dan bertindak mengurung Mus'ab di dalam rumah. Terpenjaralah Mus'ab di rumah sendiri dan tidak bebas keluar seperti sebelumnya.

Da'wah Mus'ab bin 'Umar dan Menjadi Duta di Madinah

Ketika beliau dihantar ke Madinah untuk melakukan tugas yang penting oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai duta di sana, hanya 12 orang sahaja penduduk Madinah yang memeluk agama Islam. Mereka masuk Islam di Mekah di hadapan Rasulullah. Setelah beberapa bulan, bilangan orang Islam di Madinah bertambah dan Mus'ab terus menggiatkan usaha da'wahnya. Pada musim haji yang berikutnya, berangkatlah Mus'ab bin 'Umar meninggalkan Madinah menuju Mekah dalam satu rombongan orang-orang Islam Madinah seramai 70 orang (lelaki dan perempuan). Ini adalah salah



satu kejayaan besar yang dicapai oleh Mus'ab dalam usaha mengislamkan orang-orang Madinah. Semasa di Madinah, Mus'ab tinggal di rumah As'ad bin Zararah. Di sana beliau menjalankan da'wahnya dengan lemah-lembut bersama As'ad dengan cara menjumpai kabilah-kabilah, melawat dari rumah ke rumah, menghadiri perhimpunan-perhimpunan dan mereka menyeru penduduk Madinah supaya beriman kepada Allah. Dengan sifat zuhud, kejujuran dan kesungguhan hati, dia berjaya melembutkan dan menawan hati penduduk Madinah sehingga mereka berduyun-duyun memeluk agama Islam.

Syahidnya Mus'ab bin 'Umair

Beliau syahid dalam peperangan Uhud. Dia gugur sebagai bintang dan mahkota para syuhada. Keadaan ini dialaminya setelah dengan keberanian yang luar biasa mengharungi pengorbanan dan keimanan. Dalam keadaan yang merbahaya dalam peperangan Uhud beliau mengkibarkan bendera setinggi-tingginya dan bagaikan ngauman singa, dia bertakbir sekuat-kuatnya. Dia datang ke hadapan, melompat mengelak dan berputar lalu menerkam. Setelah peperangan tamat, jasad pahlawan ulung yang syahid ini ditemui terbaring dengan wajah menelungkup ke tanah. Wajahnya digenangi darah.



ALANGKAH RUGINYA KALAU ORANG YANG...


TAMPAN TIDAK SEMBAHYANG,
Nabi Yusuf *'alaihissalam* yang tampan pun sembahyang.

CANTIK TIDAK SEMBAHYANG
Saiyidatina 'Aisyah yang cantik pun sembahyang.

KAYA TIDAK SEMBAHYANG
Nabi Sulaiman *'alaihissalam* yang kaya raya pun sembahyang.

MISKIN TIDAK SEMBAHYANG
Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
yang miskin pun sembahyang.

KANAK-KANAK TIDAK SEMBAHYANG
Hasan dan Husin ketika masih kanak-kanak pun sembahyang.





Hukum Membaca Surah al-Faatihah dalam Sembahyang

Adakah surah al-Faatihah wajib dibaca pada tiap-tiap raka'at sembahyang?

Wajib membaca surah al-Faatihah pada tiap-tiap raka'at di dalam sembahyang dengan mengikut tertib dan susunannya sebagaimana terdapat dalam al-Qur'an.

Wajib juga memelihara segala huruf-hurufnya, baris, makhraj, peraturan bacaan serta susunannya.

Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Jabir bin 'Abdullah, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda:

كُنَّا نَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ خَلْفَ الإِمَامِ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الأُولَيَيْنِ بِفَاتِحَةِ الكِتَابِ وَسُورَةٍ، وَفِي الأُخْرَيَيْنِ بِفَاتِحَةِ الكِتَابِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya kami membaca Faatihatul Kitab (Surah al-Faatihah) pada sembahyang Zuhur dan Asar di belakang imam dalam dua raka'at yang awal (raka'at pertama dan kedua) dan juga satu surah pada raka'at yang lain (raka'at yang ketiga dan keempat) dengan Faatihatul Kitab.

Bacaan al-Faatihah di dalam sembahyang adalah wajib berturut-turut tanpa diselangi dengan diam yang panjang atau pendek yang dilakukan bertujuan untuk memutus bacaan, atau diselangi dengan bacaan lain, ataupun susunan yang tidak teratur. Dalam pada itu harus membaca 'Amin' sebagai menyahut bacaan imam ketika sembahyang berjemaah.

Jika seseorang membaca al-Faatihah dengan tidak berturut-turut (terputus muwalahnya) kerana mengucap *alhamdulillah* disebabkan bersin atau seumpamanya, maka wajiblah ia mengulangi bacaan itu dan meneruskannya secara berturut-turut.

Sesiapa yang tidak memelihara bacaan al-Faatihah dari segi makhraj atau tajwidnya, maka tidak sah sembahyangnya. Yang dimaksudkan dengan tidak memelihara di sini ialah seperti:

- Menghilangkan salah satu huruf daripada ayatnya, seperti membaca dengan membuang huruf (و) dalam ayat :

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝

- Atau mengubah huruf yang membawa kepada perubahan makna seperti menukar huruf (ذ) kepada (ز) dalam perkataan (الَّذِينَ).

- Atau mengubah baris yang membawa kepada perubahan makna perkataan seperti membaca اَلنَّعْمَتِ (huruf ت berbaris atas) dengan menukar kepada اَنْعَمْتُ (berbaris depan).
- Atau membuang satu baris yang terdapat di dalam ayat seperti membuang baris *syaddah* dalam ayat:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝

Jika perbuatan tersebut disengajakan atau diketahui, maka batal sembahyangnya. Tetapi jika tidak disengajakan dan tidak diketahui atau tidak mengubah maknanya, tidaklah batal sembahyang tersebut tetapi wajib membaca semula kalimah tersebut dengan betul dan meneruskan bacaan.

Oleh kerana bacaan surah al-Faatihah ini terlalu penting, maka adalah menjadi kewajipan kepada semua umat Islam mempelajarinya dan menyebutnya dengan betul demi menjaga kesempurnaan ibadat sembahyang yang dilakukan seharian.

Adakah Makmum Wajib Membaca Surah Al-Faatihah dalam Sembahyang Berjemaah?

Menurut Imam asy-Syafi'ie, surah al-Faatihah ini wajib dibaca dalam setiap raka'at oleh imam, makmum dan juga

orang yang mendirikan sembahyang secara bersendirian sama ada sembahyang *jahriyyah* mahupun *sirriyyah*, baik sembahyang sunat mahupun sembahyang wajib. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada ‘Ubadah bin Shamit, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* telah bersabda:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

Maksudnya:

Tidak ada sembahyang bagi sesiapa yang tidak membaca Fatihatul Kitab (Surah al-Fatihah).

Manakala dalam sebuah hadits lagi, Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami’nya meriwayatkan daripada ‘Ubadah bin Shamit, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* telah bersabda:

صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصُّبْحَ، فَتَثَلَّتْ عَلَيْهِ الْقِرَاءَةُ، فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ: إِنِّي أَرَاكُمْ تَقْرَءُونَ وَرَاءَ إِمَامِكُمْ، قَالَ: قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِي وَاللَّهِ، قَالَ: فَلَا تَفْعَلُوا إِلَّا بِأَمِّ الْقُرْآنِ، فَإِنَّهُ لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِهَا.

Maksudnya:

Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam menunaikan sembahyang Subuh lalu baginda merasa sukar untuk melafazkan dan menyaringkan bacaan. Setelah selesai menunaikan sembahyang, baginda bersabda: “Aku mendapati kamu semua membaca di belakang imam,” Kami (para sahabat) pun menjawab: “Wahai Rasulullah, demi Allah, (itu) memang benar.” Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: “Janganlah kamu berbuat demikian kecuali dengan Ummu al-Qur’an (al-Fatihah). Sesungguhnya tiada sembahyang bagi orang yang tidak membacanya di dalam sembahyang.”



Etika Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam* dalam Mendirikan Sembahyang



Banyak hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menyebutkan dan menerangkan tentang etika baginda menunaikan ibadah sembahyang, antaranya:

- **Mengangkat Kedua Tangan**

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengangkat kedua tangannya ketika takbiratulihram dan i'tidal dengan menegakkan jari-jarinya lurus ke atas. Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Malik bin Huwairits *Radhiallahu 'anhu* berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا كَبَّرَ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى يُجَاذِي
بِهِمَا أُذُنَيْهِ، وَإِذَا رَكَعَ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى يُجَاذِي بِهِمَا أُذُنَيْهِ، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ
مِنَ الرُّكُوعِ، فَقَالَ: (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ)، فَعَلَّ مِثْلَ ذَلِكَ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika bertakbir (takbiratul ihram), baginda mengangkat kedua tangannya sampai sejajar dengan kedua telinganya. Ketika baginda melakukan ruku', baginda mengangkat kedua tangannya

sampai sejajar dengan kedua telinganya. Dan ketika baginda bangkit dari ruku', baginda mengucapkan: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ: Allah Maha Mendengar orang yang memuji-Nya, sambil melakukan hal yang sama.

- **Memandang Ke Arah Tempat Sujud dan Jari Telunjuk**

Imam al-Baihaqi dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Abbas Radhiallahu 'anhuma berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اسْتَفْتَحَ الصَّلَاةَ لَمْ يَنْظُرْ إِلَّا إِلَى مَوْضِعِ سُجُودِهِ.

Maksudnya:

Adalah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam jika memulakan sembahyangnya, baginda tidak melihat ke tempat lain kecuali ke arah tempat sujud baginda.

Hadits tersebut jelas menunjukkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam hanya memandang ke arah tempat sujudnya. Perkara ini membawa maksud bahawa seseorang yang mendirikan sembahyang hendaklah menjaga pandangannya. Maka dengan demikian, dia akan lebih khusus'.

Namun, perkara ini berbeza ketika dalam keadaan duduk tasyahhud (duduk di antara dua sujud), kerana Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam tidak menumpukan pandangannya ke

tempat sujudnya seperti ketika berdiri dan dalam keadaan yang lain melainkan ke arah jari telunjuknya. Imam Abu Daud, Imam an-Nasa'ie dan Imam Ahmad dalam kitab sunan dan musnad mereka meriwayatkan daripada 'Abdullah bin az-Zubair bahawa beliau telah menggambarkan mengenai perkara ini dengan berkata:

أَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَلَمْ يُجَاوِزْ بَصَرُهُ إِشَارَتَهُ.

Maksudnya:

Baginda memberi isyarat dengan jari telunjuknya, sementara pandangannya tidak berpaling daripada isyarat jari telunjuknya.

- **Meletakkan Tangan Kanan di Atas Tangan Kiri**

Sembahyang dengan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri ketika berdiri adalah sesuatu yang selalu kita lakukan seharian.

Demikian juga yang dilakukan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam sembahyang.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Wa'il bin Hujr Radhiallahu 'anhu berkata:

أَنَّه رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ دَخَلَ فِي الصَّلَاةِ كَبَّرَ، - وَصَفَ هَمَامٌ حَيْالَ أُذُنَيْهِ - ثُمَّ التَّحَفَ بِثَوْبِهِ، ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى الْيُسْرَى.

Maksudnya:

Dia melihat Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam mengangkat kedua tangannya sewaktu baginda memulakan sembahyang, baginda bertakbir – Hammam menerangkan bahawa tangannya diangkat hingga sejajar dengan kedua telinganya – kemudian baginda berselimut dengan kainnya dan meletakkan tangan kanannya di atas tangan kirinya.

- **Merenggangkan Kedua Tangannya Ketika Sujud**

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Malik Ibnu Buhainah berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا صَلَّى فَرَجَّ بَيْنَ يَدَيْهِ، حَتَّى يَبْدُو بِيَاضَ إِبْطِئِهِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam ketika mendirikan sembahyang, baginda merenggangkan kedua tangannya hingga nampak ketiaknya yang putih.

Demikianlah kedudukan sujud Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam, di mana baginda merenggangkan kedua tangannya dan menjauhkannya daripada perut hingga nampak kedua ketiaknya. Namun, sebagaimana yang kita ketahui bahawa baginda sering sembahyang di depan dan menjadi

imam dalam setiap kali sembahyang. Ini bererti kedudukan sembahyang baginda tersebut adalah dalam keadaan selesa. Baginda dapat melakukan perkara tersebut dengan bebas kerana tidak ada orang di sebelah kanan dan kirinya. Berbeza pula halnya jika seseorang itu bersembahyang jema'ah. Dia tidak perlu terlalu merenggangkan kedua tangannya ketika sujud kerana mungkin gerakannya tidak selesa dan terhad berbanding jika dia mendirikan sembahyang secara bersendirian disebabkan ada orang di sebelah kanan dan kirinya.

Namun menurut Imam asy-Syafi'ie *Rahimahullah*, kedudukan sujud perempuan berbeza dengan lelaki. Di mana jika perempuan sedang sujud, maka hendaklah dia merapatkan kedua tangannya serta merapatkan perutnya dengan kedua belah pehanya kerana perbuatan tersebut lebih menutupi auratnya.

- **Meletakkan Dahi dan Hidung di Tempat Sujud**

Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abu Humaid as-Sa'idi *Radhiallahu 'anhu* berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا سَجَدَ أَمَكَنَ أَنْفَهُ وَجَبْهَتَهُ مِنَ الْأَرْضِ.

Maksudnya:

Ketika Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam sedang sujud, baginda

meletakkan hidung dan dahinya di atas tanah.

- **Memberi Isyarat**

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pernah memberi isyarat ketika baginda diberikan salam sewaktu baginda mendirikan sembahyang. Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Syuhaib *Radhiallahu 'ahu* berkata:

مَرَرْتُ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَهُوَ يُصَلِّي، فَسَلَّمْتُ عَلَيْهِ، فَرَدَّ إِلَيَّ
إِشَارَةً، وَقَالَ: لَا أَعْلَمُ إِلَّا أَنَّهُ قَالَ: إِشَارَةٌ
بِأُضْبَعِهِ.

Maksudnya:

Aku pernah bertemu dengan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang sedang mendirikan sembahyang, lalu aku mengucapkan salam kepada baginda. Baginda pun membalas dengan isyarat. Aku berkata: "Aku tidak tahu, baginda hanya mengatakan bahawa baginda mengisyaratkan dengan jarinya.

- **Bersungguh-sungguh Mendirikan Sembahyang**

Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada al-Mughirah bin Syu'bah *Radhiallahu 'anhu* berkata:

صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
حَتَّى انْتَفَحَتْ قَدَمَاهُ، فَقِيلَ لَهُ: أَتَتَكَلَّفُ

هَذَا وَقَدْ غُفِرَ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا
تَأَخَّرَ، قَالَ: أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا.

Maksudnya:

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pernah mendirikan sembahyang sehingga kedua kakinya bengkok. Lalu dikatakan kepada baginda: "Kenapa engkau bersusah payah melakukan ini padahal dosamu yang telah lalu dan yang akan datang telah diampuni?" Baginda berkata: "Apakah aku tidak boleh menjadi hamba yang bersyukur."

Hadits ini menunjukkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sering bangkit untuk mendirikan sembahyang di waktu malam dan baginda banyak menghabiskan masa untuk bermunajat di hadapan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bersungguh-sungguh melakukannya sehingga kedua kaki baginda bengkok.

- **Mendirikan Sembahyang Sunat di Rumah**

Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Zaid bin Tsabit *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

أَفْضَلُ صَلَاتِكُمْ فِي بُيُوتِكُمْ إِلَّا الْمَكْتُوبَةَ

Maksudnya:

Sembahyang yang paling utama bagi kamu adalah sembahyang yang kamu kerjakan di rumah, kecuali sembahyang yang diwajibkan.

Antara tujuan disunatkan untuk mendirikan sembahyang di rumah adalah supaya rumah yang didiami sentiasa dirahmati dan diberikan keberkatan. Selain itu juga, ia dapat memberi didikan serta bimbingan kepada ahli keluarga yang lain terutamanya anak-anak kecil untuk turut sama-sama menunaikannya. Sebagaimana dalam hadits Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ وَلَا تَتَّخِذُوا قُبُورًا

Maksudnya:

Sembahyanglah kamu di rumah-rumah kamu dan jangan jadikannya seperti sebuah kubur.



"Sesungguhnya Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam ketika mendirikan sembahyang, baginda merenggangkan kedua tangannya hingga nampak ketiaknya yang putih."

(Riwayat Imam al-Bukhari)

TAHAJJUD


*Tengah malam Tahajjud
dengan kepayahan melawan alam
tabi'ie insan lena
beratnya sebuah keyakinan
untuk pelayaran yang panjang
berbekal taqwa.*

*Kesunyian yang membungkus
pecah oleh takbir abid yang mukmin
lalu mengumpul khazanah
mutiara dari amal
untuk esoknya.*

*Beruntunglah
insan yang arif
rahsia kasih Ilahi
ialah zikir dan solat
mengundang rindu
mengundang maghfirah
dan keredhaan
itulah impian.*

*Tahajjud itu kekuatan
kemenangan dalam diri
anugerah agung Rabbani.*

Zairis M.S.
Brunei Darussalam
Jun 2003



**"Sembahyang itu tiang agama (Islam).
Maka, sesiapa yang mendirikan
sembahyang bererti dia telah
menegakkan agamanya
dan sesiapa yang meninggalkan
sembahyang bererti dia telah
meruntuhkan agamanya."**

(Riwayat Imam al-Bukhari & Muslim)

Sembahyang Pada Waktunya




حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى
وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

Mafhumnya:

Peliharalah (kerjakan dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu khasnya sembahyang wustha dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyu'.

(SURAH AL-BAQARAH : 238)

Kamu pencinta buku–buku agama!!!



Dapatkanlah buku ini
di kedai buku,
Pusat Da'wah Islamiah.